

Title	Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu Laporan Tahunan Bil 3
Call Number	TNB HD 9685 .L45 1977
Accession Number	23713
Barcode	000000024245
Year	1977
Author	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Digitized Date	03 March 2016
Remarks	

IKATAN RESOURCE CENTRE
TENAGA NASIONAL BERHAD
JALAN SERDA 6
43009 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN

PERPUSTAKAAN	NO. PANGGILAN:	TARIKH TERIMA:	NO. PEROLEHAN:
UNIVERSITI TENAGA NASIONAL			23713

UNIVERSITI TENAGA
NASIONAL


IKATAN RESOURCE CENTRE
TENAGA NASIONAL BERHAD
JALAN SERDA 6
43009 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN

ACTION WILL BE TAKEN AGAINST ANY
STAFF WHO UNDERESTIMATES THE WORDS, MAKES
NOTES IN THE MARGINS OR DISFIGURES
OR DAMAGES BOOKS IN ANY WAY.

IKATAN RESOURCE CENTRE
TENAGA NASIONAL BERHAD
JALAN SERDANG
43009 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN

APURAN TAHUNAN KE 26

1hb September 1974 - 31hb Ogos 1975



EMBAGA ETNIK NEGARA

tanah melayu

Encik Wong Kin Hong, J.M.N., B.E.E., P.Eng., F.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.
Encik M. Rajendra, P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.
Encik Leong Yoke Kow, B.Sc., C.Eng., M.I.E.E.
Encik Basil Manasseh, P.Eng., F.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E., M.I.E.(Aust.), A.M.B.I.M.
Encik Lee Siaw Phin, B.E., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E., M.I.E.(Aust.).
Encik R. Rajagopal, B.Sc. (Eng.), P.Eng., M.I.E.(M).
Encik Rajinder Singh Gill, M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.
Encik Mokhtar bin Taib, A.M.F., D.B.C., M.I.E.(M).
Encik A. Rajadurai, P.J.K., D.B.C., P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.
Tuan Haji Ismail bin Ahmad, S.M.J., P.I.S., D.B.C., P.Eng., M.I.E.(M)
Encik Chan Moon Thong, D.B.C., P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.

Encik A. Ramanath, B.Sc. (Eng.), P.Eng., F.I.E.(M), C.Eng., F.I.E.E., F.I. Mech. E.
Encik Eddie Tan Ghee Soon, B.E. (M & E), F.I.E.(M).
Encik Loong Sow Toong, D.F.H., P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.
Encik C.P. Karunakaran, B.E. (Melb.), M.I.E.(M).

Y.M. Tengku Daud bin Tengku Besar Burhanuddin, P.J.K., P.P.T., D.L.C., M.I.E.(M).
Encik Mohd. Khalid bin Din, D.B.C., P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.
Encik Nik Mohamed bin Nik Yusoff, P.Eng., M.I.E.(M), (memangku mulai 1.7.75)
Encik Megat Nurdin bin Megat Yunus, M.F.A. (Fittsburgh), B.A. (Malaya)
Encik Chan Beng Kong, P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E., M.I.E.(Aust.)

Encik Chan Kai Foo, F.A.S.A.
Encik D.A. Christensen, A.R.M.T.C., A.A.S.A.(Sr.), A.C.I.S.
Encik Fong Ah Ngoh, F.M.N., A.R.M.T.C., A.A.S.A.(Sr.), M.A.C.S.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Hassan, D.B.C., P.Eng., F.I.E.(M)
Encik Mohd. Khalid bin Din, D.B.C., P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E. (memangku mulai 1.7.75)

Encik Chan Khee Pok, J.M.N., B.Sc. (Eng.), P.Eng., F.I.E.(M), C.Eng., F.I.E.E.
Encik Wong Wai Kheong, P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.
Encik Fong Thin Yiew, B.E., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.C.E., M.I.W.E.

PEGAWAI-PEGAWAI EKSEKUTIF UTAMA LEMBAGA

Pengurus Besar

Y.B. Dato Abu Zarim bin Haji Omar, P.J.K., D.L.C., P.Eng., F.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.

Bahagian Kendalian dan Senggaraan

Timbalan Pengurus Besar (Kendalian)
Ketua Jurutera (Penjanaan Kuasa)
Ketua Jurutera (Kendalian Sistem & Penghantaran)
Ketua Jurutera (Pembahagian)
Ketua Jurutera (Pengurusan Bahan-Bahan)
Timbalan Ketua Jurutera (Penghantaran Penyenggaraan)
Pengurus Kawasan (Tengah)
Pengurus Kawasan (Timur)
Pengurus Kawasan (Utara)
Pengurus Kawasan (Selatan)
Jurutera Kanan (Ibu Pejabat)

Bahagian Perancang dan Pembinaan

Timbalan Pengurus Besar (Perancang & Pembinaan)
Ketua Jurutera (Perancang & Pembinaan)
Timbalan Ketua Jurutera (Penyelidikan dan Pembangunan)
Timbalan Ketua Jurutera (Perancang Penghantaran)

Bahagian Pentadbiran dan Kemajuan Pengurusan

Timbalan Pengurus Besar (Pentadbiran)
Pengarah (Pentadbiran Kakitangan)
Setiausaha
Pengurus Perniagaan

Bahagian Kewangan

Pengawal Kewangan
Ketua Akauntan
Pengurus Pemerosesan Data Letronik

Bahagian Pemeriksaan Letrik

Ketua Pemeriksa Letrik

Bahagian Perkhidmatan Khas

Ketua Pengarah (Perkhidmatan Khas)
Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan Khas)
Ketua Jurutera Awam

KANDUNGAN

	Muka
Pegawai-Pegawai Eksekutif Utama Lembaga	1
Lembaga	3
Juruodit-Juruodit Lembaga	4
Perunding-Perunding Lembaga	
Tugas-Tugas dan Dasar Kewangan Lembaga	5
Sistem Lembaga	7
Penjanaan Kuasa	10
Pembangunan Haidro Letrik	14
Kuasa Untuk Perindustrian	20
Penghantaran dan Pengagihan	24
Lapuran-Lapuran Kawasan	28
Rancangan Pembangunan	30
Bekalan Letrik Luarbandar	32
Pentadbiran Am	34
Analisa Yunit-Yunit Dijual	42
Kewangan	45
Pentadbiran Akta Letrik	53

Singkatan Huruf-huruf

L/D	=	Litar Dua
VT	=	Voltan Tinggi
kV	=	Kilovolta
kVA	=	Kilovolta Ampiar
kW	=	Kilowatt
kWj	=	Kilowatt jam
VR	=	Voltan Rendah
MVA	=	Megavolta Ampiar
MW	=	Megawatt
T/A	=	Talian Atas
PTK	=	Pembawa Talian Kuasa
Penc.	=	Pencawang
B/T	=	Bawahtanah
V	=	Voita

PENGERUSI

Y.B. Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin, P.M.N., S.P.D.K., P.N.B.S.

TIMBALAN PENERUSI MERANGKAP PENERUS BESAR

Y.B. Dato Abu Zarim bin Haji Omar, P.J.K.

AHLI-AHLI

Y.B. Tan Sri Mohd. Noor Tahir Tan, P.M.N., C.W.E., M.P.

Dr. P.P. Narayanan

Y.B. Dato Chan Keong Hon, D.P.M.S., J.S.M., A.M.N., S.M.S., P.J.K.

Encik Mohd. Jumah bin Mat Satir, J.P.

Y.B. Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman

+ Tuan Haji Othman bin Abdul Malek, K.M.N.

+ + Encik Abdul Ghani bin Mohd. Don, K.M.N., P.J.K. (*Hingga 6.9. 1974*)

Encik Junus bin Sudin, J.S.M. , (*Hingga 31. 1. 1975*)

Dr. Neo Yee Pan (*Hingga 25. 10. 1974*)

Dr. Tan Tiong Hong

+ + Encik Mohd. Hashim bin Sam Abdul Latif (*Dari 7.9. 1974*)

Encik Mohd. Zain bin Hj. Abdul Majid (*Dari 1. 11. 1974*)

Encik Salleh bin Yusof (*Dari 1.2. 1975 hingga 31. 7. 1975*)

Encik Mohd. Kassim bin Sulong (*Dari 1.8. 1975*)

+ Ahli Pengganti — Encik Abdullah bin Kassim (*Hingga 31. 1. 1975*)

— Encik Mohd. Hussaini bin Hj. Abdul Jamil (*Dari 1.2. 1975*)

+ + Ahli Pengganti — Encik Ng Boon Puey (*Hingga 5. 1. 1975*)

— Encik Sulaiman bin Mohd. Amin (*Dari 6. 1. 1975*)

Pada 5hb September 1974 Lembaga Letrik Negara, Tanah Melayu tidak lagi diletak di bawah Kementerian Kerjaraya dan Tenaga tetapi sebaliknya diletak di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi & Penyelidikan.

Juruodit-Juruodit Lembaga

SYARIKAT PRICE WATERHOUSE & CO., KUALA LUMPUR.

SYARIKAT HANAFIAH, RASLAN, MOHAMAD & PARTNERS, KUALA LUMPUR

Perunding-Perunding Lembaga

SYARIKAT PREECE, CARDEW & RIDER, BRIGHTON, U.K. DAN KUALA LUMPUR.

SYARIKAT SIR BRUCE WHITE, WOLFE BARRY & PARTNERS, LONDON.

SYARIKAT SHAWINIGAN ENGINEERING COMPANY LIMITED, CANADA.

Lembaga mempunyai tugas-tugas berkanun untuk menggalakkan penjanaan tenaga letrik dengan tujuan untuk membangunkan ekonomi Semenanjung Malaysia dan untuk menjamin bekalan tenaga itu dengan harga-harga yang berpatutan. Ia juga mempunyai tugas untuk menasihatkan Y.B. Menteri, yang bertanggungjawab mengenai letrik, atas semua perkara berkaitan dengan penjanaan kuasa dan penggunaannya. Lembaga dikehendaki mengurus dan mengendali pemasangan-pepasangan letrik yang dipindahmilik atau diambil atau ditubuhkan oleh Lembaga. Dalam bidang perundangan, Lembaga telah diberi tugas-tugas untuk mengadakan peraturan-peraturan bagi penjanaan kuasa dan penggunaan tenaga letrik. Untuk membolehkannya menjalankan tugas-tugas itu Lembaga telah diberi hak dengan mempunyai kuasa-kuasa yang luas untuk membina dan mengendalikan talian-talian bekalan dan stesyen-stesyen janaletrik, menjana kuasa dan menjual tenaga letrik dan memperolehi loji janakuasa dan hartabenda.

Adalah menjadi tugas Lembaga sebagai sebuah pertubuhan yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai, untuk menentukan yang hasilnya, setelah menyelesaikan semua perbelanjaan termasuk susutan dan bunga atas pokok, digunakan untuk membiayai sebahagian dari rancangan pembangunan pokoknya untuk menghadapi keperluan kuasa letrik yang kian bertambah di negara ini. Kadar-kadar perkembangan yang tinggi di dalam bidang bekalan letrik yang menggunakan banyak modal ini memerlukan penggunaan hampir semua baki hasilnya bagi membiayai rancangan pembangunan pokok.


TUGAS-TUGAS DAN DASAR KEWANGAN LEMBAGA


Pejabat Daerah LLN, Kangar, Perlis.




PERKEMBANGAN PENJANAAN LETRIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA 1930—1975

JUTA YUNIT DIJANA SETAHUN






STESYEN HABBA
YUNIT
10,337,800



STESYEN HAIDRO
YUNIT
1,802,800



STESYEN
DISEL
YUNIT
528,700



DIBELI
YUNIT
454,400

PURATA YUNIT-YUNIT DIJANA/DIBELI SEHARI

Sistem Lembaga

PERANGKAAN-PERANGKAAN PENTING

KEUPAYAAN JANAKUASA TERPASANG

HABA	540.0 MW
HAIDRO	265.4 MW
DISEL	57.2 MW

KAWASAN YANG DIBEKALKAN

KE SEBELAS NEGERI-NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KECUALI PULAU PINANG DAN SEBAHAGIAN NEGERI PERAK.

TALIAN-TALIAN PENGHANTARAN

275 kV	98.00 batu
132 kV	613.84 batu
66 kV	333.47 batu

PENGGUNA-PENGGUNA YANG DIBEKALKAN

KAWASAN TENGAH	209,379
KAWASAN UTARA	191,977
KAWASAN SELATAN	200,395
KAWASAN TIMUR	102,561

VOLTAN PENGGUNA-PENGGUNA YANG DIAKUI

240V	+	5%	FASA SATU
	-	10%	
415V	+	5%	FASA TIGA
	-	10%	

HARTA-HARTA TETAP

\$1,553,824,343

PENCAWANG-PENCAWANG

BILANGAN PENCAWANG-PENCAWANG 3,633
KEUPAYAAN ALATUBAH 5,277 MVA

MILIKAN

\$164,719,000 SAHAM-SAHAM BIASA DIPEGANG OLEH KERAJAAN MALAYSIA
\$3,000,000 SAHAM-SAHAM BIASA DIPEGANG OLEH KERAJAAN NEGERI PAHANG


KEHENDAK MAKSIMA

RANGKAIAN BARAT 686.4 MW

YUNIT-YUNIT DIJUAL


3,982,330,560 kWj.

GRAF BEBAN HARIAN-RANGKAIAN BARAT



TALIAN-TALIAN PENGHANTARAN


	Yang Bertugas	Dirancangkan Atau Sedang Dibina	Talian – talian PRHEP Bhd.
132kV dan atas			
66kV			
33kV dan bawah			



STESYEN-STESYEN JANALETRIK YANG UTAMA



Penjanaan Kuasa





*Panel Kawalan Tarbin Yunit No. 6 Stesyen
Janaelektrik Sultan Ismail Johor Baru.
Projek ini pada keseluruhannya dijurutera-
kan oleh jurutera-jurutera Lembaga
sendiri.*



Penjanaan Kuasa

Stesyen-stesyen janaelektrik Haba dan Haidro yang disambungkan ke Rangkaian Barat dengan jumlah keupayaan 805.4 MW telah menjana sejumlah 4,300,155,253 yunit berbanding dengan 3,794,935,503 yunit yang dijana dalam tahun lepas. Ini menunjukkan tambahan sebanyak 13.31%. Angkadar beban pada keseluruhannya telah turun sedikit dari 72.1% ke 71.6%. Angkadar beban harian berbeza antara 73.9% dan 84.8%.

Peringkat Ke-3 Stesyen Janaelektrik Tuanku Jaafar — Yunit No. 5 hampir siap dan dijangka dapat dilancarkan pada penghujung bulan Januari 1976. Untuk Yunit No. 6 dan No. 7 pula kerja sedang berjalan dengan memuaskan.

Pembinaan Stesyen Janaelektrik Sultan Ismail, tambahan terakhir (1 x 30 MW) jauh maju ke hadapan. Pemasangan turbin dan kerja-kerja berkaitan hampir siap. Dandang telah diuji secara haidraulik pada 28hb Julai 1975. Pemasangan alat bantu sedang dijalankan. Alatubah-alatubah dan perkakaswais 415 V telah dipasang. Penghantaran alat bilik kawalan 66 KV telah tergendala dan dijangka tiba pada pertengahan bulan September. Perlancaran turbin dijangka dapat dilakukan sebaik sahaja alat bilik kawalan 66 KV dipasang.

Semua kontrak yang berkaitan dengan projek Stesyen Janaelektrik Tuanku Jaafar — Peringkat Ke-3 (3 x 120 MW) telahpun diberi. Kejuruteraan terhadap kontrak-kontrak utama telahpun siap. Yunit No. 5 dijangka dapat dilancarkan untuk kendalian perdagangan menjelang bulan Januari 1976. Ini diikuti pula dengan yunit-yunit No. 6 dan No. 7 masing-masing menjelang bulan Julai 1976 dan Disember 1976. Projek ini telah mengalami kegendalaan disebabkan oleh kelewatan di dalam perolehan dan penghantaran rangkaian-rangkaian keluli. Juga kelewatan disebabkan mogok di Kilang Kontraktor Turbin.

Semua kontrak untuk tambahan terakhir Stesyen Janaelektrik Sultan Ismail (1 x 30 MW) telahpun diberi. Kejuruteraan berbagai-bagai kontrak telah siap. Turbin dan dandang dijangka akan dilancarkan masing-masing pada penghujung bulan November dan Disember 1975. Kelewatan melancarkan turbin ini terutamanya disebabkan kelewatan tibanya alat bilik kawalan daripada United Kingdom.

Dokumen-dokumen tender untuk kontrak-kontrak turbin dan dandang bagi Stesyen Janaelektrik Perai (3 x 120 MW) telahpun dikeluarkan dan dirancang untuk dikembalikan balik menjelang 4hb September 1975.

Penyediaan tender-tender bagi kontrak-kontrak berkaitan sedang diuruskan. Kejuruteraan kontrak-kontrak ini akan dijalankan oleh kakitangan Lembaga dengan bantuan syarikat Preece, Cardew & Rider, United Kingdom. Kerja-kerja awam akan diuruskan oleh firma tempatan iaitu Syarikat MINCO.

Di samping kemungkinan Haidro Elektrik yang akan dimajukan itu, Lembaga telah menetapkan stesyen janaelektrik Haba di Pasir Gudang untuk pembangunan di kawasan Johor Bahru. Hingga setakat ini tapak seluas 70 ekar telahpun diperolehi di kawasan perindustrian Pasir Gudang dengan tujuan untuk memasang 120 MW yunit dalam tahun 1980/81. Adalah dijangkakan bahawa stesyen ini akan mempunyai keupayaan muktamad di dalam lingkungan 600 MW apabila ianya disiapkan sepenuhnya.

Atas: Peringkat III Stesyen Janaelektrik Tuanku Jaafar Pengadang-Pengadang Mangkok Roteri dan Kolam alirmasuk.

Bawah: Pemandangan Dewan Tarbin Stesyen Janaelektrik Tuanku Jaafar, Port Dickson. Di hadapan sekali ialah Janakuasa No. 7 yang sedang dibina.



Pembangunan Haidro Letrik

Alir keluar terowong lencungan — Tapakbina Empangan Temengor.



Temengor, Perak

Kontrektor kerja awam utama telah mencapai kemajuan tetap di dalam pembinaan kemudahan-kemudahan sementara seperti bekalan air, bekalan elektrik, pembinaan woksyp, bahagian motor, loji memecah batu dsb dan juga ke atas binaan-binaan utama khususnya terowong lencungan bergaris pusat 30 kaki dan Empangan Pelana dan Pengorekan alirmasuk kuasa.

Awal bulan Disember 1974, kem tapak bina kontrektor yang menempatkan kakitangan tempatan dan luar negeri telah diserang oleh pengganas-pengganas yang mengakibatkan dua kematian, seorang warganegara Malaysia dan seorang warganegara Jepun dan juga beberapa kecederaan. Akibat daripada serangan ini kerja pembinaan telah terhenti dan pengosongan dengan sertamerta oleh kontrektor yang berkenaan daripada tapakbina. Lembaga mengambil tindakan sertamerta untuk menentukan bahawa kontrektor itu bekerja semula tanpa mengalami kelewatan. Walau bagaimanapun sebaik sahaja kontrektor itu bersetuju balik semula ke tapakbina, kira-kira 1½ bulan masa pembinaan telah terbuang. Apabila mereka balik semula ke tapakbina, pergerakan dan pembaikan semula terhadap loji dan mesin yang ditinggalkan dan pembentukan pasukan pekerja telahpun diambil tindakan oleh kontrektor itu. Oleh kerana matlamat tarikh penyiapan asal khususnya penakongan kolam air dan perancangan yunit-yunit masih tidak berubah, rancangan pembinaan yang diulangkaji untuk mempercepatkan lagi kemajuan kerja-kerja itu telahpun disediakan untuk dilaksanakan di masa yang akan datang.

Sehingga kini, kerja ke atas binaan-binaan kejuruteraan awam utama sedang berjalan dengan memuaskan dengan perlencungan sungai dilakukan pada pertengahan bulan Julai 1975 yang diikuti pula dengan penyiapan sebuah terowong lencungan bergaris pusat 30 kaki. Terowong lencungan kedua dijangka siap dalam bulan September 1975. Pengorekan di alirmasuk kuasa terus dijalankan dan pembangunan Empangan Peringkat I telah dimulakan.

Dalam tempoh kajian lapuran ini, tender-tender untuk loji elektrik dan mekanikal dan alat telah ditimbang dan kontrak-kontrak telah diberi untuk pintu utama dan rak trash, Kon berlobang dan injap kupu-kupu, empis air keluli dan penurap terowong, alatubah-alatubah, tarbin, janakuasa dan krin stesyen janaelektrik, perkakaswis VT dan alat elektrik tambahan stesyen janaelektrik itu. Kontrektor untuk empis-empis air keluli dan penurap terowong telah memulakan kerja lebihkurang dalam bulan Jun 1975 dan sehingga sekarang ianya sedang memasang loji siap dan alat dan kini menguruskan untuk mengimpot bahan-bahan mentah.

Di samping itu rekabentuk, penyediaan dokumen kontrak dan lukisan-lukisan telah dijalankan untuk perumahan kakitangan tetap di Temengor. Tender-tender telah dipelawa untuk kontrak kerja tanah dan kerja jalan untuk projek perumahan ini.

Dalam tempoh kajian lapuran ini, pembinaan kerja-kerja pemindahan semula Air Ganda telah berjalan dengan memuaskan. Pengorekan kerja-kerja tanah telah siap dengan banyaknya untuk jalan masuk dan penyediaan untuk lapisan asas jalan sedang dijalankan. Tender-tender telah dipelawa untuk rumah-rumah peneroka, bangunan-bangunan awam dan rancangan bekalan air dan kontrak-kontrak ini dijangka akan diberi awal tempoh yang akan datang.

Sebuah firma Perunding telah dilantik untuk mengurus dan menjalankan pembangunan pertanian di kawasan penempatan semula Air Ganda dan kerja-kerja mengenai aspek ini dijangka akan berjalan dengan sepenuhnya tidak lama lagi.

Mengerudi teras berhampir dengan tapakbina Empangan Kenyir.



Bersia & Kenering, Perak

Dalam bulan Oktober 1974 Lembaga mem-berikuasa kepada Syarikat Shawinigan Engineering Co., Montreal untuk menja-lankan kajian sebelum pelaburan bagi Projek-Projek Bersia & Kenering. Bahagian per-tama kajian itu memerlukan pengesahan rancangan penyiasatan luar yang memerlu-kan kira-kira pengerudian sedalam 5,000 kaki dan memperolehi maklumat-maklumat mengenai keadaan-keadaan tapakbina khususnya berhubung dengan haidroloji dan tropografi sungai sebagai tambahan kepada apa yang diperolehi di dalam kajian kemungkinan yang dilakukan sebelum itu terhadap pembangunan haidro letrik Ulu Perak.

Berikutan dengan pemberian kontrak penyiasatan bawah tanah, arahan untuk memulakan kerja ini telah diberi dalam bulan Mac 1975. Walau bagaimanapun kerja di tapakbina yang sebenarnya telah ditang-guh sementara menunggu penglulusan daripada Kerajaan Negeri Perak.


Tembeling, Pahang

Di tapakbina Projek Tembeling, tidak ada kerja fizikal yang dijalankan dalam tempoh kajian lapuran ini. Berikutan dengan penyiapan penyiasatan-penyiasatan luar dalam bulan Ogos 1974, draf lapuran se-belum pelaburan ke atas projek ini telah di-kemukakan dalam bulan November dan perbincangan-perbincangan yang teliti ter-hadap cadangan-cadangan projek ini telah diadakan dalam bulan Februari dan Mac 1975. Lapuran-lapuran sebelum pelaburan terakhir telah diterima dalam bulan Ogos 1975.


Projek Tembeling ini, sebagaimana yang diharapkan, akan mengandungi se-buah empangan utama, empangan-empa-ngan pelana dan kerja-kerja berkaitan ter-masuk sebuah alirmasuk yang membekal-kan air melalui terowong kuasa ke stesyen letrik atas bumi yang lazim. Jumlah ke-upayaan terpasang ialah 110 megawatt yang mengandungi 4 yunit tiap-tiap satunya ber-keupayaan 27.5 megawatt. Purata penge-luaran tahunan tenaga dianggarkan 441 juta kilowatt-jam. alurlimpah lubang yang ber-pintu dengan keupayaan 4,800 m³/s (169,000 cusecs) telah disediakan untuk mengawal air banjir yang keluar daripada alurlimpah ini.

Empangan utama ini dibina daripada timbunan batu yang tingginya 67 meter (220 kaki) dan 6 empangan pelana adalah daripada binaan timbunan tanah. Jumlah isipadu timbunan-timbunan di dalam empa-ngan-empangan tersebut ialah sebanyak 2.5 juta padu meter (3.3 juta padu ela). Kolam air yang dibentuk oleh empangan-empangan ini akan meliputi seluas 53 kilo-meter (33 batu) dan mempunyai kawasan permukaan seluas 250 kilometer (96 batu persegi).


SUSUNAN AM PROJEK TEMBELING



SUSUNAN TAPAK



MUKAKERATAN EMPANGAN



MUKAKERATAN MEMBUJUR TEROWONG TENAGA

Kenyir, Trengganu

Penyiasatan-penyiasatan kemungkinan ke atas Projek Trengganu di tapak empangan Kenyir telah bermula dalam bulan September 1974 dengan pemasangan haidroloji, penyiasatan tropografi dan peninjauan kajibumi. Penggerudian teras di tapak empangan Kenyir telah dimulakan dalam bulan November 1974; menjelang Mac 1975 kajian-kajian ini dilanjutkan ke pen-
janaan kuasa, penyiasatan-penyiasatan bahan, bahan-bahan hutan dan pertanian dan perairan selaras dengan konsep projek ini sebagai pembangunan pelbagai guna.

Dengan penyiapan kajian-kajian luar yang banyak ini, lapuran sementara mengenai projek empangan pelbagai guna Kenyir telah dikeluarkan dalam bulan Ogos 1975. Adalah dijangka bahawa bentuk-bentuk projek yang utama akan mengandungi empangan timbunan batu utama tingginya 145 meter (475 kaki) 9 buah empangan pelana yang dibina dengan timbunan tanah, stesyen janaletrik atas tanah yang mempunyai 4 yunit tiap-tiap satunya berkeupayaan 100 megawat dan lain-lain binaan yang berkaitan. Kolam air yang terbentuk ini akan mempunyai kawasan permukaan seluas 340 kilometer persegi (130 batu persegi).

Projek Haidro Akan Datang

Kerja mengemaskini anggaran-anggaran kos bagi beberapa projek haidro letrik yang berkemungkinan telah dijalankan dalam tempoh kajian lapuran ini dan tanda-tanda sekarang menunjukkan bahawa Tekai, Maran, Telom Hilir dan Raub di Pahang dan Lebir dan Nenggiri di Kelantan merupakan projek-projek yang boleh dijalankan dari segi ekonomi. Kajian-kajian lain juga mengesahkan bahawa beberapa projek ini patut dimajukan menjelang 1985.

Pemandangan udara tapak Empangan Kenyir 16km ke Hulu Kuala Brang.



Perlibatan Perindustrian oleh L.L.N.

Lembaga dengan persetujuan Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk melibatkan dirinya di dalam pembuatan barang-barang/alat di mana ianya merupakan pembelian utama, kalau tidak pun sebagai pembelian tunggal barang-barang tersebut; dan Akta Letrik 1949 kemudiannya dipinda untuk membolehkan Lembaga berbuat demikian.

Beberapa pembuat yang ternama di bidang Antarabangsa telah dijemput untuk mengemukakan cadangan-cadangan untuk mengambil bahagian di dalam usahasama dengan Lembaga untuk membuat alat-alat berikut: —

- (1) Kebel-kebel bersalut timah hitam bertebat kertas;
- (2) Alatubah-alatubah pengagihan;
- (3) Jangka kilowat jam; dan
- (4) Perkakaswis voltan sederhana dan voltan tinggi sehingga 11 kV.


Sehingga ini beberapa cadangan telah diterima daripada pembuat-pembuat yang ternama daripada negeri-negeri Australia, Britain, Jerman, India, Italy, Jepun dan Yugoslavia.

Projek usahasama pertama yang diambil bahagian oleh Lembaga ialah untuk membuat kebel-kebel kuasa bersalut timah hitam bertebat kertas dengan Federal Cables, Wires & Metal Mfg. Berhad dan Fujikura Cable Works Ltd., Jepun. Projek ini telah sampai ke peringkat maju di mana pemasangan-pemasangan dan perancangan mesin di dalam kilang itu hampir siap dan pengeluaran kebel-kebel kuasa bersalut timah hitam bertebat kertas 11 kV untuk jualan akan bermula tidak berapa lama lagi.


Berhubung dengan projek untuk membuat alatubah-alatubah, Lembaga, setelah menilai cadangan-cadangan yang diterima daripada beberapa pembuat alatubah-alatubah yang ternama, telah memilih salah sebuah firma yang berminat untuk menubuhkan Syarikat Usahasama dan sekarang ini dalam proses perundingan dengan pihak yang berkenaan.

Kuasa Untuk Perindustrian


YUNIT-YUNIT DIBEKALKAN KEPADA PERINDUSTRIAN
SEBAGAI % DARIPADA YUNIT-YUNIT DIJUAL




74/75




73/74




72/73



71/72




67/68




69/69




69/70




70/71




66/67




65/66



64/65



63/64



62/63

Dalam tahun 1959/60 yunit yang dijual kepada industri (tidak termasuk perlombongan) ialah 92,557,972 kWj menandakan 17% daripada 544,904,807 kWj jumlah yunit yang dijual. Semenjak itu sungguhpun jumlah yunit-yunit yang dijual telah bertambah sebanyak kira-kira 7.31 kali ke 3,982,330,560 kWj yunit-yunit yang dijual kepada industri telah bertambah sebanyak 22.16 kali ke 2,051,202,131 kW menandakan 51.1% daripada jumlah yunit-yunit yang dijual.

Atas: Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Johor

Bawah: Kilang memproses makanan, Johor.



Atas: Syarikat International Footwear, Kedah.
Bawah: Kilang Minyak Sawit — Johor



IKATAN RESOURCE CENTRE
TENAGA NASIONAL BERHAD
JALAN SERDANG
43009 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN

*Atas: Pembuat paip keluli — Selangor.
Bawah: Kilang Padi, Kedah.*



Penghantaran dan Pengagihan



Atas: Pusat Bandar, Alor Setar, Kedah.

Bawah: Perpustakaan Awam Di Peringkat Kemajuan yang hampir siap — Ipoh, Perak.



Penghantaran

Kehendak maksima Rangkaian Barat Lembaga bertambah sebanyak 14.85% daripada 603.8 MW ke 693.45 MW bagi tahun berakhir 31hb Ogos 1975.

Sistem Penghantaran Lembaga telah diperkuatkan lagi dengan membina sepanjang 24.5 batu talian penghantaran litar dua ACSR 275 kV duplex 400 mm. per. dari pencawang Kuala Lumpur (Selatan) ke pencawang Rawang dan talian penghantaran litar dua ACSR 275 kV duplex 400 mm. per. dari Papan ke Chenderiang yang pada mulanya akan dihendalkan pada tenaga 132 kV dengan talian penghantaran Litar dua ACSR 132 kV 300 mm. per. sepanjang 5 batu dari Chenderiang ke pencawang Woh.

Pembinaan talian-talian penghantaran Litar Dua ACSR 275 kV duplex 300 mm. per. dari Temengor ke Papan panjangnya kira-kira 94 batu dan dari Port Dickson ke Melaka, panjangnya kira-kiranya 39 batu sedang dijalankan dan dijangka siap masing-masing dalam bulan Oktober 1977 dan Oktober 1976. Montrek-kontrek telahpun diberi untuk pembekalan dan pembinaan perkakaswis 275 kV, 132 kV dan 66 kV yang berkaitan dan alatubah-alatubah di Papan, Melaka dan Stesyen Janaelektrik Melaka.

Pembinaan talian penghantaran Litar Dua ACSR 132 kV 300 mm. per. dari Chenderiang ke Kampong Gajah dan Lumut dan talian penghantaran Litar Dua ACSR 132 kV 150 mm. per. dari Kampong Gajah ke Teluk Anson telah siap 70%. Kerja ini dijadualkan siap pada penghujung tahun 1976.

Kuantan telah menerima bekalan borong apabila talian penghantaran Litar Dua ACSR 150 mm. per. telah siap dari Mentakab ke Kuantan. Dengan itu ianya telah menyambungkan sebahagian daripada kawasan Timur ke Rangkaian Barat. Bekalan borong yang tetap akan diberi apabila pencawang pemasukan utama 2 x 30 MVA, 132/11 kV siap awal tahun hadapan.

Talian-Talian Penghantaran Yang Dilancar:

Panjangnya

1. Pencawang Kuala Lumpur (Selatan)/Pencawang Rawang Litar Dua ACSR 275 kV duplex 400 mm. per.	24.5 batu
2. Litar Dua ACSR 275 kV duplex 400 mm. per. Papan/ Chenderiang	28.2 batu
3. 132 kV Taiping/Papan sambungan 'T' ke Kamunting	1.7 batu
4. 132 kV Woh/Chenderiang	5.0 batu
5. Litar Satu 66 kV Gemas/Segamat	16.0 batu

Pencawang-Pencawang Yang Dilancar dan Ditambah Beban:

Keupayaan

1. Alor Gajah 66/11 kV	2 x 7.5 MVA
2. Merlimau 66/11 kV	1 x 7.5 MVA
3. Setia Jaya, J.B. 22/6.6 kV	1 x 5.0 MVA
4. Malaysia Glass, Sg. Buloh, 33/11 kV	2 x 7.5 MVA
5. Sungai Manggis 33/11 kV	2 x 7.5 MVA
6. Tanjong Karang 33/11 kV	2 x 7.5 MVA
7. Stesyen Janaelektrik Prai 33/11 kV	15 MVA Ketiga
8. Kawasan Perindustrian Prai 33/11 kV	2 x 30 MVA

Pencawang-Pencawang Yang Dilancar dan Ditambah Beban — (Samb.)

Keupayaan

9. Bukit Mertajam 33/11 kV	2 x 7.5 MVA
10. Parit Buntar 132/11 kV	5 MVA Kedua
11. Telok Anson 22/11 kV	2 x 7.5 MVA
12. Penapis Minyak Shell 11/6.6 kV	3 x 5 MVA


Peristiwa-peristiwa Penting Mengenai Aktiviti-aktiviti Pengagihan

1. 8719 ela 30 MVA kebel berisi minyak 33 kV telah ditanam dari stesyen Janaelektrik Prai ke kawasan perindustrian Prai dan dilancarkan.
2. 5844 ela 30 MVA, kebel berisi minyak 33 kV telah ditanam dari Pencawang Segambut ke Pencawang Jalan Pahang dan dilancarkan.
3. 6420 ela 30 MVA, kebel berisi minyak 33 kV telah ditanam dari Pudu Ulu ke Pencawang Bandar dan dilancarkan.
4. 2520 ela 30 MVA, kebel berisi minyak 33 kV telah ditanam dari Pudu Ulu ke Pencawang Jalan Empat dan dilancarkan tidak berapa lama lagi.
5. Keseluruhan sistem Kota Baru telah ditukarkan ke 6.6 kV ke 11 kV.
6. 9764 ela 185 mm. per. kebel 22 kV telah ditanam dari Stesyen Janaelektrik Sultan Ismail ke Pencawang Tampoi No. 2 dan dilancarkan untuk sementara untuk membekalkan Pencawang ikatan Tebrau.
7. 10.83 batu 132 kV talian penghantaran 132 kV Litar Dua ACSR 300 mm. per. dari Majidee ke Pasir Gudang telah siap dan akan dilancarkan tidak berapa lama lagi oleh kerana pencawangnya telahpun siap.

Projek Utama Yang Dirancang:


- | | |
|--------------------------------|---|
| 1. Peringkat VIII Kuala Lumpur | Kebel berisi minyak 33 kV Ampang/Bukit Bintang, Ampang/Ulu Klang, Ampang/Bandar, SEA Park/Alcan, SEA Park/Sungei Way dan Sungei Way/Subang Jaya. |
| 2. Kuantan | Talian penghantaran 132 kV ACSR 150 mm. per. Litar I yang kedua telah dirancang dari Segambut ke Kuantan, yang memperkuat bekalan ke kawasan Timur. |
| 3. Jengka dan Jerantut | Talian penghantaran 132 kV ACSR 150 mm. per. Litar I telah dirancang dari Temerloh ke Jengka dan Jerantut. Pembinaannya akan bermula pada pertengahan 1976. |
| 4. Bukit Keteri | Talian penghantaran 132 kV ACSR Litar I 150 mm. per. telah dirancang dari Alor Star ke Bukit Keteri dan kerja akan bermula pada suku pertama tahun 1976. |
| 5. Johor Tengah | Talian penghantaran 132 kV ACSR Litar Dua 150 mm. per. telah dirancang dari Kulai ke Johor Tengah dan kerja akan bermula pada suku pertama tahun 1976. |

Kawasan Utara



Tahun Berakhir 31hb. Ogos


Kawasan Tengah



Tahun Berakhir 31hb. Ogos




Kawasan Timur




Tahun Berakhir 31hb. Ogos


Kawasan Selatan



Tahun Berakhir 31hb. Ogos

Rancangan Pembangunan





Bekalan Letrik Luarbandar

Bekalan Letrik Luarbandar

Bekalan letrik luarbandar bagi tahun 1974/75 telah diberi peruntukan yang sederhana sebanyak \$13.89 juta untuk pelaksanaan kira-kira 195 projek. Adalah dianggarkan seramai 13,400 pengguna di 235 kampung dan kampung baru akan menikmati kemudahan-kemudahan daripada projek-projek ini.


Sumbangan untuk perbiayaan projek-projek ini dibahagi sama rata atas dasar 1/3 oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri yang berkenaan dan LLN, kecuali Negeri Perlis yang mana sumbangannya dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Sumbangan Kerajaan Persekutuan untuk tahun ini ialah sebanyak \$4.83 juta, Kerajaan Negeri sebanyak \$4.43 juta dan LLN telah menyumbangkan sebanyak \$4.6 juta.

Disebabkan kekurangan bahan-bahan yang terus menerus dalam tahun 1974, projek-projek yang dibawa ke tahun 1975 adalah banyak. Walau bagaimanapun kedudukan pembekalan bahan-bahan bertambah baik dalam tahun 1975 walaupun terdapat kekurangan-kekurangan bahan-bahan penting dari masa ke masa seperti rod-umbang, pendakap-D, dan didal dsb. Kesukaran-kesukaran biasa untuk mendapatkan tanah bagi pencawang dan tapak stesyen luarbandar serta izinlalu bagi talian atas voltan rendah masih dialami dan ini menambahkan lagi kelewatan dalam melaksanakan projek-projek yang diluluskan.

Kebanyakan daripada projek-projek bekalan letrik luarbandar ini adalah tambahan daripada sistem pengagihan voltan tinggi atau voltan rendah yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, disamping itu, stesyen-stesyen luarbandar juga dibina untuk menjana kuasa letrik selama 12 jam di tempat-tempat yang terpencil.

Setakat 31hb Ogos 1975 terdapat 91 stesyen-stesyen luarbandar dalam kendalian dan 29 di dalam beberapa peringkat pembinaan. Tiga buah stesyen letrik telah ditutup disebabkan adanya bekalan borong. Stesyen-stesyen tersebut ialah Pahang Tua (Pahang), Parit Keliling (Melaka) dan Simpang Pertang (Negeri Sembilan).

KEMAJUAN BEKALAN LETRIK LUARBANDAR



Rancangan Bekalan Letrik Luarbandar
Atas: Malaysia Utara
Bawah: Malaysia Selatan



Pentadbiran Am

Tanah yang dipindahmilik dan diletakhak kepada Lembaga

Berikutan dengan syor-syor Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri Tanah Melayu bahawa Lembaga diberikan hakmilik kekal bagi semua tanah-tanah yang dipindahmilik dan diletakhak kepada Lembaga di bawah Seksyen 29 Akta Letrik 1949, Kerajaan-Kerajaan Negeri Johor, Selangor, Perak, Trengganu, Perlis, Melaka, Pahang, Negeri Sembilan, Kedah dan Kelantan sekarang ini bersetuju untuk mengeluarkan geran-geran untuk selama-lamanya tanpa bayaran premium dan tanpa syarat-syarat nyata dan sekatan kepentingan tetapi tertakluk kepada bayaran upah ukur dan cukai tanah tahunan. Lembaga sekarang ini di dalam proses membuat permohonan-permohonan untuk mendapatkan hakmilik-hakmilik seumpama itu.

Kakitangan dan Perhubungan Kakitangan

Jumlah bilangan kakitangan yang berkhidmat dengan Lembaga setakat 31hb Ogos 1975 ialah 11,335 orang yang mengandungi seperti berikut: —

Pegawai-Pegawai Kanan	— Bahagian I — 422
Pegawai-Pegawai Teknikal	— Bahagian II hingga Bahagian IV — 2,084
Pegawai-Pegawai Eukan Teknikal	— Bahagian II hingga Bahagian IV — 2,644
Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar	— 6,183

Kebajikan

Sebagai mengikuti dasar Lembaga untuk memberi rawatan perubatan kepada kakitangannya, jumlah bilangan doktor perubatan swasta yang dilantik oleh Lembaga untuk memberi rawatan di beberapa daerah adalah seramai 45 orang pada penghujung tempoh kajian lapuran ini.

Lima buah bangelo peranginan yang baru telah disediakan kepada kakitangan — 3 di Port Dickson, satu di Kuantan dan satu di Johor Baru. Jumlah bilangan bangelo setakat ini ialah 15 buah. 31 buah Kelab Filat telah menjalankan aktiviti yang cergas sepanjang tahun ini dan telah menunjukkan kecemerlangannya di dalam berbagai permainan "league" yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan di Negeri masing-masing. Beberapa orang kakitangan telah mewakili negeri-negeri dan Malaysia di dalam beberapa permainan.

Sukan Tahunan LLH Ke-19 di peringkat Persekutuan telah diadakan pada 4hb dan 5hb Julai 1975. Peserta-peserta telah menunjukkan banyak pembaikan. Kawasan Selatan telah muncul sebagai juara kawasan. LLH telah mengambil bahagian di dalam 11 daripada 15 acara anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan yang muncul sebagai juara di dalam hoki, kriket dan golf. LLH telah diberi penghormatan untuk menganjurkan kejohanan olahraga Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia yang disatukan yang diadakan mulai daripada 22hb hingga 24hb Ogos 1975 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Kejohanan ini telah diistiharkan pembukaannya oleh DirMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung dan kejohanan ini telah ditutup oleh Perdana Menteri YAB Tun Hj. Abdul Razak bin Hussein.

Skim Memiliki Rumah dengan bantuan Lembaga telah mula memberi bantuan kepada kakitangannya untuk membina rumah-rumah mereka dalam tahun 1968. Semenjak itu pinjaman wang berjumlah sebanyak \$23,925,331.36 telah diberi kepada 1209 pekerja.

Pada 31hb Ogos 1975, 3364 pekerja telah ditempatkan dalam Perjawatan Berpencen dan seramai 3,506 menjadi ahli Kumpulan Wang Janda dan Anak Yatim. Kumpulan Wang Khairat Kematian Filat memberikan pertolongan wang tunai dengan sertamerta kepada janda atau penerima yang dilantik. Kumpulan ini mempunyai ahli seramai 6,531 iaitu tambahan seramai 854 ahli sepanjang tempoh kajian lapuran ini.

Syarikat Kerjasama Jimat-Cermat dan Pinjaman Wang LLH berkembang dengan baiknyanya dalam tahun ini. Jumlah bilangan ahli-ahli telah bertambah dari 3,973 ke 4,242.

Keperluan-keperluan Tanah

Dalam tahun ini notis-notis sebagaimana yang diperlukan oleh peruntukan Akta Letrik 1949 (disemak 1973) telah diserahkan kepada pemilik-pemilik tanah untuk mendapatkan tanah sebagai izinlalu bagi talian-talian penghantaran 132 kV dan 33 kV yang melintasi lebih daripada 115 batu di negeri-negeri Selangor, Pahang, Melaka, Johor dan Trengganu.

Perbicaraan-perbicaraan telah diadakan oleh Pemungut-Pemungut Hasil Tanah di negeri Selangor, Pahang, Melaka, Johor dan Trengganu untuk mendengar bantahan-bantahan yang dikemukakan oleh pemilik-pemilik tanah yang berkenaan terhadap kemasukan Lembaga ke atas tanah-tanah mereka dan juga untuk menilai pampasan mengikut Seksyen 58 Akta Letrik 1949. Tuntutan-tuntutan pemilik tanah untuk pampasan di beberapa daerah masih belum diselesaikan. Walau bagaimanapun Lembaga telah diberi kebenaran untuk memasuki tanah Kerajaan dan tanah bermilik untuk tujuan ini kecuali di mana bantahan belum lagi diselesaikan.

Sejumlah 344 tapak telah diperlukan untuk kegunaan bangunan-bangunan pejabat, rumah-rumah, stesyen-stesyen janaletrik, pencawang dan stesyen penyuisan.

Lembaga ingin menyampaikan penghargaan yang ikhlas kerana kerjasama dan bantuan yang diberikan oleh Pemungut Hasil Tanah di dalam menyegerakan penglulusan untuk memasuki tanah Kerajaan dan di dalam menyelesaikan dengan baiknya beberapa bantahan yang dikemukakan oleh pemilik-pemilik tanah berhubung dengan kemasukan Lembaga ke atas tanah-tanah mereka.

Dakwaan

Dakwaan-dakwaan kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Letrik 1949 pada keseluruhannya telah dijalankan oleh Pegawai Undang-Undang Lembaga walaupun di setengah-setengah tempat dakwaan-dakwaan ini dijalankan oleh Polis. Kebanyakan daripada kesalahan-kesalahan ini berupa kecurian kuasa letrik dan sambungan pendawaian haram. Adalah didapati bahawa di tempat-tempat di mana kecurian kuasa letrik ini dilaporkan dan seterusnya didakwa, kejadian-kejadian seumpama itu telah berkurangan dengan banyaknya.

Perhubungan Awam

Lembaga dengan kerjasama akhbar, radio dan TV telah menempoh kejayaan dan mengambil bahagian yang aktif di dalam tahun ini berhubung dengan hal ehwal perhubungan awam. Beberapa persidangan akhbar telah diuruskan untuk Pengurus Besar dan liputan khas telah diberikan oleh akhbar, radio dan TV di atas beberapa projek Lembaga.

Lembaga telah diberi penghormatan melalui lawatan yang dibuat oleh beberapa orang kenamaan. YB Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan Dato Haji Mohamad bin Yaacob beserta dengan ahli-ahli Parlimen telah melawat Ibu Pejabat dan telah diberi taklimat mengenai aktiviti-aktiviti dan kemajuan Lembaga. Menteri Kebajikan Fiji Mr. Ratu Williams Toganivalu dan Menteri Perkhidmatan Penyelidikan Indonesia Dr. Soemitro Djojohadikusumo telah juga melawat Ibu Pejabat. Dalam bulan Ogos 1975 Lembaga telah menerima beberapa rombongan muhibbah daripada pertubuhan letrik Negeri Thai iaitu "Combined Electricity Authority of Thailand"(CEAT).

Rancangan menjimatkan tenaga letrik Lembaga telah diadakan dalam bulan Julai 1975. Poster-poster yang menarik, pelek-at-pelek-at kereta, T.V. dan radio telah menyumbangkan terhadap kejayaan rancangan menjimatkan tenaga letrik ini. Di samping itu majallah kakitangan "Tenaga" yang sekarang ini dikeluarkan dua kali setahun dan sebuah majallah kakitangan yang baru "Tenagawan" dikeluarkan sekali tiap-tiap dua bulan telah mendapat sambutan yang hangat daripada kakitangan Lembaga. Lembaga telah mengambil bahagian di dalam pameran-pameran yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan dan Yayasan Jurutera Malaysia/Yayasan Jurutera Singapura.

Penghormatan

- (1) DYMM Yang Di Pertuan Besar, Negeri Sembilan sempena hari keputeraan baginda pada 19hb Julai 1975 telah menganugerahkan pingat-pingat kepada yang berikut: —
 - (a) Dato Paduka Jasa Bakti kepada Encik Abu Zarim bin Haji Omar, Timbalan Pengerusi dan Pengurus Besar;
 - (b) Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.) kepada Y.M. Tengku Daud bin Tengku Besar Burhanuddin, Timbalan Pengurus Besar (Pentadbiran);
 - (c) Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) kepada yang berikut: —
 - (i) Encik B. Mokkam Singh, Pekerja No. 7625, Pengurus Daerah Kanan, Seremban;
 - (ii) Encik J. Bulbir Singh, Pekerja No. 8485, Kerani Tingkatan Biasa, Seremban;
 - (iii) Encik Brian Sta Maria, Pekerja No. 14527, Pembaca Jangka, Seremban;
 - (iv) Encik Omar Ali bin Aryan Ali, Pekerja No. 12723, Jaga Gred II, Port Dickson.
- (2) DYMM SPB Yang Di Pertuan Agung di dalam senarai penghormatan Malaysia 1975 telah menganugerahkan pingat-pingat berikut: —
 - (a) Encik Wong Kin Hong, Pekerja No. 460, Timbalan Pengurus Besar (Kendalian) telah dianugerahkan Johan Mangku Negara (J.M.N.)
 - (b) Lt. Kol. Francis Magimay, Pekerja No. 7294, Jurutera Perancang Kanan (Penghantaran) telah dianugerahkan Kesatria Mangku Negara (K.M.N.)
 - (c) Encik Ahmad Rusli bin Haji Ibrahim, Pekerja No. 30084, Pegawai Keselamatan dan Encik Zakaria bin Budin, Pekerja No. 9031, Pegawai Perhubungan Perusahaan telah dianugerahkan Ahli Mangku Negara (A.M.N.)
 - (d) Encik Pakrisamy Sambasivam, Pekerja No. 375, Penolong Juruteknik (Tingkatan Tertinggi) Ibu Pejabat LLN dan Encik M. Ratnam Pekerja No. 8092, Kerani Tingkatan Khas (Akaun Pengguna) LLN, Kuala Lumpur telah dianugerahkan Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.)

Atas: DYMM Yang Di Pertuan Besar, Negeri Sembilan menganugerahkan pingat Dato Paduka Jasa Bakti kepada Encik Abu Zarim bin Haji Omar, Timbalan Pengerusi dan Pengurus Besar. Bawah kiri: DYMM Yang Di Pertuan Besar, Negeri Sembilan menganugerahkan Pingat Perkerti Terpilih (P.P.T.) kepada YM Tengku Daud bin Tengku Besar Burhanuddin, Timbalan Pengurus Besar (Pentadbiran).

Bawah kanan: DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung telah menganugerahkan Johan Mangku Negara [J.M.N.] kepada Encik Wong Kin Hong, Timbalan Pengurus Besar (Kendalian).



Penghormatan (samb.)

- (3) DYMM Sultan Perak sempena menyambut hari keputeraan baginda pada 15hb September 1974 telah menganugerahkan Darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P.) kepada Encik Mokhtar bin Taib, Pekerja No. 392, Pengurus Kawasan (Utara) LLN., Ipoh.
- (4) DYMM Sultan Johor sempena menyambut hari keputeraan baginda pada 28hb Oktober 1974 telah menganugerahkan Pingat Ibrahim Sultan, Pangkat II (P.I.S.) kepada yang berikut: —
 - (a) Encik P.S. Moorthy, Pekerja No. 7650, Pengurus Daerah Kanan LLN., Johor Baru;
 - (b) Encik Neo Hock Heng, Pekerja No. 7126, Pengurus Daerah Kanan, LLN., Alor Star;
 - (c) Encik Harun bin Marjee, Pekerja No. 5474, Juruteknik Rendah, Tingkatan Khas, Jabatan Kontrek, Johor Bahru;
 - (d) Encik K.G. Pappy, Pekerja No. 2946, Pemandu Van/Lori LLN., Batu Pahat, Johor.
- (5) TMT Gabenor Melaka sempena menyambut Hari Jadinya pada 10hb Mac 1975 telah menganugerahkan Pingat Bakti Masyarakat (P.B.M.) kepada Encik Idrus bin Sulaiman, Pekerja No. 11023, Pemasang Talian Tingkatan Khas, LLN., Melaka.
- (6) DYMM Sultan Trengganu sempena menyambut hari keputeraan baginda pada 26hb Jun 1976 telah menganugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) kepada Encik V. Perinparajah, Pekerja No. 7329, Pegawai Membeli dan Kontrek, LLN Ibu Pejabat.
- (7) DYMM Sultan Kelantan sempena menyambut hari keputeraan baginda pada 10hb Julai 1975 telah menganugerahkan Ahli Setia Mahkota Kelantan (A.S.K.) kepada Encik Lee Kee Lim, Pekerja No. 7128, Pengurus Daerah Kanan, LLN Kota Bharu.

Persidangan Tenaga Sedunia

Dalam bulan September 1974, YB Dato Abu Zarim b. Hj. Omar setelah mengambilalih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Tenaga Sedunia Malaysia telah mengetuai perwakilan Malaysia yang mengandungi YM Raja Tan Sri Zainal bin Raja Sulaiman, Encik A. Ramanath, Encik Ng Boon Puey (Ahli Lembaga) Encik Jalaluddin b. Zainuddin, Encik Hamid A. Rahim (Lembaga Letrik Sabah) dan Encik M. L. Wong (Lembaga Letrik Sabah) ke ulangtahun ke 50 Persidangan Tenaga Sedunia ke 9, di Detroit, U.S.A. Jawatankuasa Kebangsaan Malaysia telah berasa bangga apabila YM Raja Tan Sri Zainal bin Raja Sulaiman telah dipilih sebagai Timbalan Pengerusi Pertama di dalam Sesi mengenai "Penggunaan Tenaga" manakala YB Dato Abu Zarim bin Haji Omar telah dilantik ke dalam panel mengenai "Masaalah Tenaga Khusus Untuk Negara-Negara Sedang Membangun".

LLN. telah dipilih tanpa tandingan sebagai Pengerusi Kebangsaan, Malaysia di mesyuarat agung tahunannya yang diadakan di Kuala Lumpur pada 26hb April 1974. Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang lain terdiri daripada Shell (Naib Pengerusi) dan ahli-ahli Jawatankuasa terdiri daripada Keretapi Tanah Melayu, Universiti Malaya, Syarikat Perak River Hydro-Electric Power, Esso dan Lembaga Letrik Sabah.

Dalam tahun ini keahliannya telah bertambah dari 35 ke 41 termasuk seorang Ahli Kehormat yang telah diberikan kepada Y.M. Raja Tan Sri Zainal bin Raja Sulaiman kerana perkhidmatan-perkhidmatan beliau kepada Jawatankuasa Kebangsaan Persidangan Tenaga Sedunia, Malaysia.

Pelajaran Dan Latihan

Jabatan Pelajaran dan Latihan telah membelanjakan sebanyak \$5,520,125.12 untuk mengadakan latihan dalam tempoh kajian lapuran ini.

Ringkasan mengenai latihan yang dirancang adalah seperti berikut:

	Pada permulaan tahun	Pengambilan dalam tahun	Tamat	Berhenti/ditarik balik	Pada Penghujung tahun 31.8.75
Pemberian Biasiswa Kejuruteraan					
Luar Negeri	181	42	39	1	183
Malaysia	7	1	1	1	6
Institusi Teknologi Kebangsaan	42	18	14	3	43
Politeknik Ungku Omar	42	—	—	2	40
Latihan Penyesuaian Kerja					
Jurutera Pelajar	62	44	29	—	77
Kedet Pentadbiran	4	5	2	—	7
Akauntan Pelajar	2	—	2	—	—
Kedet Teknik	33	14	*13	11	23
Kedet Juruteknik	21	@ 1	17	2	3
Pelatih Pengendali Bilik Kawalan	7	—	7	—	—
Perantis-Perantis Lembaga Perantisan Pusat	291	71	35	18	344

Lain-lain pelbagai Perantis dan Pelatih — kira-kira 100 dalam latihan di sepanjang tahun ini.

@ ini menunjukkan penuntut kolej Teknik yang gagal dalam tahun pertama.

* Kedet-kedet teknik yang dinaikan pangkat sebagai Pembantu Teknik

Kedet-kedet teknik yang diberi biasiswa Lembaga

Kedet-kedet teknik yang dilantik sebagai Penolong Jurutera Giliran Kerja

—	2
—	5
—	6
—	<u>13</u>

Rancangan Latihan Kakitangan

Sebagai sebahagian daripada rancangan pembangunannya, Lembaga telah juga menganjurkan pegawai-pegawainya yang sedang berkhidmat untuk menghadiri berbagai kursus latihan dan seminar di dalam dan di luar negeri seperti yang diringkaskan di bawah ini: —

Latihan	Kumpulan Kakitangan	Bilangan diberi latihan
Dalam Lembaga		
Kursus-Kursus Perkeranian	Kakitangan Perkeranian	125
Kursus Permulaan	Jurutera-Jurutera Pelatih	44
	Akauntan-Akauntan Pelatih dan Kedet-Kedet Pentadbiran	5
Di Yayasan Dalam Negeri		
INTAN	Pegawai-Pegawai Kanan	17
Yayasan Pengurusan Malaysia — Seminar	Pegawai-Pegawai Kanan	9
Pusat Daya Pengeluaran Negara	Penyelia	57
Sekolah Latihan Jasmani		18
Luar Negeri		
Seminar, Simposium dan Latihan sambil belajar	Pegawai-Pegawai Kanan	38
Pengajian Lepas-Siswazah di Universiti-Universiti	Pegawai-Pegawai Kanan	9

Kemudahan-Kemudahan Latihan Industri telah juga diberi kepada penuntut-penuntut dari Universiti dan Kolej serta kakitangan-kakitangan Kerajaan dan lain-lain pertubuhan.

Jenis Latihan	Kumpulan Kakitangan	Bilangan
Latihan Industri	Jurutera-Jurutera, Juru-teknik-Juruteknik dan Pertukangan	—
Latihan Vokesyen	Penuntut-Penuntut dari Universiti dan Kolej	38
Latihan Industri Asas	Mahasiswa Universiti	—

Pusat Latihan Di Talian Hidup

Talian Atas	Jenis Latihan	Kumpulan Kakitangan	Bilangan diberi latihan
(Voltan Sederhana)	Kerja di talian hidup "Make & Break"	Jurutera-Jurutera dan Penyelia	18
		Pemasang Talian dan Pencari Kerosakan	11
	Kerja di talian hidup utama (untuk pasukan)	Pasukan Kerja	24
Bawah Tanah			
(Voltan sederhana)	Kerja di talian hidup	Jurutera-Jurutera dan Penyelia-penyelia	49
	Kerja di talian hidup	Penyambung Kebel	18

	Jenis Latihan	Kumpulan Kakitangan	Bilangan diberi latihan
Penyambung Kebel "Mati" (Voltan Sederhana)	Menyambung kebel bawah tanah	Penyambung (Tingkatan Biasa dan Pembantu)	45

Pusat Latihan

Kerajaan Malaysia telah menerima dokumen-dokumen projek UNDP mengenai cadangan Lembaga untuk menubuhkan sebuah pusat latihan daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Sumbangan-sumbangan wang di dalam memperolehi tanah dan bangunan serta lain-lain kemudahan berjumlah \$12 juta dan baki sebanyak US\$1,102,850 telah disumbangkan oleh UNDP untuk membiayai perbelanjaan bagi mendapatkan pakar-pakar untuk menubuhkan pusat ini. Daripada seluas 100 ekar tanah di Bangi, seluas 50 ekar telah dikhaskan untuk pusat latihan ini. Jadual kerja mengenai pembersihan tanah dan pelan-pelan bangunan bagi peringkat pertama telahpun dikemukakan kepada PKNS untuk penglulusan.

Mengadakan Latihan "Attachments" untuk pegawai-pegawai luarnegeri daripada Lembaga Letrik Sabah — 9 pelatih.


Perpustakaan

Lembaga membelanjai sebanyak \$16,734.09 untuk melengkapkan perpustakaanannya dalam tahun ini. Jumlah bilangan buku telah bertambah dari 4,706 ke 5,049 naskah iaitu tambahan sebanyak 343 naskah. Bilangan peminjam buku telah meningkat dari 2,231 ke 2,543 iaitu tambahan seramai 312 orang.

Rumah Peranginan Pegawai-Pegawai Kanan — Port Dickson, Negeri Sembilan.



BILANGAN PENGGUNA



JUMLAH YUNIT DIJUAL TERBAHAGI KEPADA KUMPULAN - KUMPULAN PENGGUNA


HASIL YUNIT DIJUAL

1975 3,982,330,560 kWj


1974 3,502,084,679 kWj

TAMBAHAN 13.7%


PERATUSAN YUNIT DIJUAL 1975




JUTA YUNIT DIJUAL SETAHUN



HARGA PURATA SEYUNIT YANG DIJUAL DIBANDINGKAN DENGAN ANGKA-TUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA



YUNIT-YUNIT DIJUAL KEPADA TIAP-TIAP PENGGUNA



Natijah Kewangan

Pendapatan daripada jualan letrik bagi tahun ini telah bertambah sebanyak 30.2% menjadi \$352,620,950 (\$270,908,341) manakala lain-lain pendapatan telah berkurangan sebanyak 19.5% menjadi \$17,223,147 (\$21,405,635). Jumlah pendapatan bagi tahun ini ialah sebanyak \$369,844,097 (\$292,313,976) iaitu tambahan sebanyak 26.5%. Perbelanjaan-perbelanjaan kendalian termasuk susutan telah bertambah sebanyak 50.1% menjadi \$313,793,394 (\$209,104,248). Ini menjadi lebih kendalian sebanyak \$56,050,703 (\$83,209,728) iaitu kurang sebanyak 32.6% daripada tahun lalu.

Tambahan peratusan yang tinggi di dalam perbelanjaan-perbelanjaan kendalian adalah disebabkan kenaikan harga-harga minyak dan bayaran tunggakan gaji di bawah Suruhanjaya Gaji Harun dalam tahun 1974/75. Kos-kos minyak bahanapi meningkat dari \$99,207,285 dalam tahun 1973/74 ke \$159,099,955 dalam tahun 1974/75. Kenaikan harga-harga minyak yang tinggi ini telah memberi kesan ke atas kos kendalian Lembaga. Kerajaan, setelah mengkaji dengan teliti kesan-kesan tambahan kos minyak bahanapi terhadap kedudukan kewangan Lembaga telah memutuskan untuk membenarkan Lembaga mengenakan fasal pelarasan kos bahanapi di dalam tarif-tarifnya mulai 15hb Mac 1975. Pada tarikh yang sama juga pengecualian yang diberikan kepada Lembaga mulai 1hb Januari 1974 daripada bayaran duti-duti kastam, cukai jualan dan cukai tambahan ke atas minyak bahanapi, bahan-bahan dan alat-alat telah ditarik balik.

Bagi lebih kendalian sebanyak \$56,050,703 sebanyak \$9,567,384 yang merupakan tuntutan-tuntutan terhadap pengecualian duti kastam, cukai jualan dan cukai tambahan telah dicampur dan ini menjadikan lebih kendalian sebanyak \$65,618,087 (\$92,167,086). Setelah ditolak bunga yang dibayar ke atas pinjaman-pinjaman dan overdraf bank berjumlah \$28,071,699 (\$26,107,157) dan menyimpan peruntukan untuk cukai sebanyak \$7,000,000 (\$20,000,000) dan bunga yang dibayar ke atas saham biasa sebanyak \$5,031,570 (\$5,031,570), maka baki hasil ialah \$25,514,818 (\$41,028,359). Jumlah wang ini telah dipindahkan ke dalam cadangan-cadangan dan dipegang hanya semata-mata untuk membiayai rancangan pembangunan pokok Lembaga.

Bunga Ke Atas Saham Biasa


26.	Kpg. Terus, Mk. 21, Guar Jering, B.M., S.P.T. ..	35	30,100	30,100	30,100	90,300
27.	Kpg. Mangkuang Harapi, Mk. 19, B.M. ..	10	18,590	18,590	18,590	55,770
28.	Pmtg. To' Subuh Bkt. Minyak, S.P.T. ..	38	8,030	8,030	8,030	24,090
29.	Kpg. Tongkuang Pmtg. Tinggi, Mk. 14, S.P.T. ..	20	2,860	2,860	2,860	8,580
	JUMLAH ..	906	\$376,500	\$376,540	\$376,540	\$1,129,580

PERAK

(Samb.)

Bil.	Nama Projek	Bil. Pengguna	Kerajaan Persekutuan \$	Kerajaan Negeri \$	L.L.N. \$	Jumlah \$
Kawasan L.L.N.						
1.	Sungai Tunku, Hilir Perak	88	42,000	42,000	42,000	126,000
2.	Air Deras (Chikus)	50	10,000	10,000	10,000	30,000
3.	Kg. Cheh, Larut & Matang	100	55,300	55,300	55,300	165,900
4.	Kg. Berchai, Larut & Matang	35	6,766	6,766	6,766	20,300
5.	Parit 1, 2 & 4 Mesjid Tinggi Jalan Kelumpang, Telok Medan dan Sg. Gedong, Krian	315	69,000	69,000	69,000	207,000
6.	Balik Bukit, Kg. Jaya, Jalan Krian, Semanggol	100	7,825	7,825	7,825	23,475
7.	Projek-projek di Daerah Dinding	—	100,000	100,000	100,000	300,000
JUMLAH			\$290,891	\$290,891	\$290,893	\$872,675
Kawasan K.E.D.						
8.	Kg. Ulu Chemor & Kg. Jasa, Kinta	80	50,436.67	50,436.66	50,436.67	151,460
9.	Kg. Kuang dan Kuang Hilir, Kinta	170	53,096.67	53,096.66	53,096.67	159,290
10.	Kg. Batu 4, Trolak, Batang Padang	253	11,000.00	11,000.00	11,000.00	33,000
11.	Kg. Panchor, Bota Kanan, Parit	40	11,000.00	11,000.00	11,000.00	33,000
12.	Kg. Talang Banting, Parit	16	3,366.67	3,366.66	3,366.67	10,100
13.	Kg. Gapis, Kuala Kangsar	80	36,920.00	36,920.00	36,920.00	110,760
14.	Kg. Batu Masjid, Temoh, Batang Padang	70	29,006.67	29,006.66	29,006.67	87,020
JUMLAH			194,876.68	194,876.64	194,876.68	584,630
JUMLAH BESAR			\$485,767.68	\$485,767.64	\$485,769.68	\$1,457,305

MELAKA

(Samb.)

Bil.	Nama Projek	Bil. Pengguna	Belanja Kerajaan Pusat \$	Belanja Kerajaan Negeri \$	Belanja L.L.N. \$	Jumlah Belanja \$
1.	Tanjong Balai, Melekek	50	9,316	9,317	9,316	27,949
2.	(a) Ayer Hitam Ulu, Sg. Baru Tengah } (b) Ayer Hitam Darat }	123	32,609	32,610	32,610	97,829
3.	Ulu Kelamak	88	27,213	27,214	27,213	81,640
4.	Tedong Batu 10	55	7,087	7,086	7,087	21,260
5.	Batu 14½, Merlimau	9	2,187	2,187	2,186	6,560
6.	Bukit Senggeh	146	52,172	52,171	52,172	156,515
7.	Dari Padang Lebar ke Asahan ..	18	9,920	9,920	9,920	29,760
8.	Solok Permatang Duyong	12	2,858	2,858	2,858	8,574
9.	Kampung Bukit Gedong Tg. Kling ..	11	1,710	1,710	1,710	5,130
10.	Solok Sungai Putat Batu Berendam ..	120	27,019	27,020	27,020	81,059
11.	Solok Tambak Bugis, Telok Mas ..	33	9,108	9,108	9,108	27,324
12.	Batu 14½, Jalan Pulau Gadong, Kelbang Besar	22	2,595	2,595	2,594	7,784
13.	Solok Pengkalan Jajar, Alai	50	7,629	7,629	7,628	22,886
14.	Paya Luboh, Batu 9½ Tangga Batu ..	12	1,471	1,471	1,471	4,413
15.	Bukit Mendaki, Cheng Tengah	7	719	719	719	2,157
16.	Batu 2½, Solok Bachang	28	3,623	3,623	3,623	10,869
17.	Solok Paya Ikan, Bukit Baru	15	2,099	2,099	2,099	6,297
18.	Solok Permatang Pasir, Alai	50	12,052	12,052	12,052	36,156
19.	Solok Bertam Ulu, Tg. Minyak	20	3,732	3,732	3,732	11,196
20.	Tambak Sebelong, Alai Melaka Tengah	—	3,500	3,500	3,500	10,500
21.	Kg. Keramat Leban, Kuala Sg. Baru, Alor Gajah	10	5,700	5,700	5,700	17,100
22.	Kg. Permatang, Kuala Sg. Baru, Alor Gajah	7	3,577.33	3,577.34	3,577.33	10,732.00
JUMLAH		—	\$227,896.33	\$227,898.34	\$227,895.33	\$683,690.00

JOHOR

(Samb.)

Bil.	Nama Projek	Bil. Pengguna	Belanja Kerajaan Pusat \$	Belanja Kerajaan Negeri \$	Belanja L.L.N. \$	Jumlah Belanja \$
1.	Simpang Lima Darat, Muar	207	52,710	52,710	52,710	158,130
2.	Bukit Gambir, Muar	400	35,833	35,834	35,833	107,500
3.	Senggarang, Batu Pahat	430	95,000	95,000	95,000	285,000
4.	Kg. Jalan Meriani/Jld. Padang Lalang Tenaga, Jalan Medoi Segamat	200	48,000	48,000	48,000	144,000
5.	Kg. Baru, Kg. Gajah	100	43,333	43,334	43,333	130,000
6.	Dari Batu 42½ (Bt. 6, Rimba Terjun) Jalan Pontian/Kukup hingga ke Kukup Batu 49½	447	117,180	117,180	117,181	351,541
7.	Kg. Parit Haji Sidek Parit Hj. Ali, Jalan Panchor, Mukim V, Batu Pahat	69	40,199	40,199	40,199	120,597
8.	Kg. Parit Sakai Darai 75 off Jalan Dato' Hj. Kusai	75	9,767	9,767	9,766	29,300
9.	Kg. Pt. Hj. Zin, Bakri, Muar	100	15,333	15,333	15,334	46,000
10.	Jalan Pt. Bakar ke Kg. Pt. Amal Darai dan Kawasan Pt. Bakar ke Parit Amal Darai, Muar		16,666	16,666	16,668	50,000
11.	Pt. Kassim, Muar	35	26,666	26,666	26,668	80,000
12.	Pt. Jawa Ulu, Bt. Mor, Muar	40	3,833	3,833	3,834	26,500
JUMLAH ..			—	\$509,520	\$509,526	\$1,528,568

PAHANG

(Samb.)

Bil.	Nama Projek	Bil. Pengguna	Belanja Kerajaan Pusat (Anggaran) \$	Belanja Kerajaan Negeri (Anggaran) \$	Belanja L.L.N. (Anggaran) \$	Jumlah Belanja \$
1.	Kampung Belukar, Kuantan ..	50	3,917.34	3,917.33	3,917.33	11,752.00
2.	Kg. Pelindong, Beserah, Kuantan ..	40	3,787.00	3,787.00	3,787.00	26,361.00
3.	Kampung Hijrah, Kuantan ..	50	16,899.67	16,899.66	16,899.67	50,699.00
4.	Kampung Ketapang Hilir hingga ke Jirat Cina, Pekan ..	30	5,333.33	5,333.34	5,333.33	16,000.00
5.	Kampung Tekik, Tioman, Rompin ..	40	21,533.67	21,533.66	21,533.67	64,601.00
6.	Bekalan Letrik ke Kuala Rompin, Rompin ..	—	261,666.67	261,666.66	262,666.67	786,000.00
7.	Kg. Sungai Karak, Bentong ..	—	5,333.33	5,333.34	5,333.33	16,000.00
8.	Kawasan Perumahan Kg. Baru depan Rest House, Bentong ..	200	7,000.00	7,000.00	7,000.00	21,000.00
9.	Kawasan Pemulihan Banjir Kg. Leng-kong Jambu Rias Bentong	75	7,000.00	7,000.00	7,000.00	21,000.00
10.	Sungai Lar, Dang Raub ..	30	4,333.33	4,333.34	4,333.33	13,000.00
11.	Sungai Klau, Raub ..	150	27,333.33	27,333.34	27,333.33	82,000.00
12.	Tok Embun, Jalan Meniakab Temerloh	235	5,000.00	5,000.00	5,000.00	15,000.00
13.	Kampung Baru Cenor, Cenor, Temerloh	1,600	33,000.00	33,000.00	33,000.00	99,000.00
14.	Kampung Teleming, Lipis ..	49	18,666.67	18,666.66	18,666.67	56,000.00
15.	Kampung Kerambit, Mukim Cheka, Lipis ..	90	16,666.67	16,666.67	16,666.66	50,000.00
16.	Kawasan Perpindahan Banjir Sungai Putat, Mukim Pulau Tawar, Jerantut	150	27,333.33	27,333.33	27,333.34	82,000.00
JUMLAH ..			3469,804.34	3469,804.33	3469,804.33	51,410,413.00

TRENGGANU

(Samb.)

Bil.	Nama Projek	Bil. Pengguna	Belanja Kerajaan Pusat \$	Belanja Kerajaan Negeri \$	Belanja L.L.N. \$	Jumlah Belanja \$
1.	Kg. Pasir Gajah, Kemaman ..	130	20,848	20,847	20,847	62,542
2.	Sambungan Kg. Amir/Kg. Raja melalui Kg. Pinang, Kg. Lama, Besut	30	18,333	18,334	18,333	55,000
3.	Kuala Abang, Dungun ..	80	38,667	38,666	38,667	116,000
4.	Jln. Cabang & Kg. Labunan Baru, Kerteh, Kemaman ..	50	6,356	6,356	6,356	19,068
5.	Kg. Padang Landak/Laklok/Laklok Gong Nangka/Laklok/Tok Motong Besut ..	145	16,000	16,000	16,000	48,000
6.	Rantau Abang, Dungun ..	40	33,333	33,334	33,333	100,000
7.	Kg. Gong Kasim-Bukit Kecil, Marang	12	9,700	9,700	9,700	29,100
8.	Kg. Kubang Jela, Manir, K.T. ..	30	21,333	21,333	21,334	64,000
9.	Kawasan Kuala Kemaman ..	—	27,251	27,250	27,250	81,751
10.	Lampu/Camat/Kg. P. Salim/ Kg. Nangka, Besut ..	150	30,000	30,000	30,000	90,000
11.	Di belakang Hospital, Dungun ..	31	4,666	4,667	4,667	14,000
12.	Kerandang, Besut ..	114	30,668	30,666	30,666	92,000
13.	Bijangga, Dungun ..	40	5,000	5,000	5,000	15,000
14.	Kg. Laut, Pengadang Buloh K. Trengganu ..	50	23,333	23,334	23,333	70,000
15.	Kg. Belukar Jambu, K.T. ..					
16.	Batu Tumbuh/Gong Bayor/ Kubang Ikan, Besut ..	140	43,333	43,334	43,333	130,000
17.	Kg. Gong Papas, Besut ..	30	3,333	3,333	3,334	10,000
18.	Kg. Padang Limau Nipis, K. Trengganu ..	61	43,333	43,333	43,334	130,000
19.	Kg. Nyut-Nyut, K.T. ..					
20.	Bukit Kenak Gong Terap, Besut ..	160	13,668	13,666	13,666	41,000
21.	Padang Landak/Alor Selising, Besut	80	10,000	10,000	10,000	30,000
22.	Kg. Baru, K. Nerus, K.T. ..	40	5,000	5,000	5,000	15,000
23.	Kg. Tg. Bunut, Manir & Buloh Gading, K.T. ..	40	10,333	10,334	10,333	31,000

TRENGGANU

(Samb.)

Bil.	Nama Projek	Bil. Pengguna	Belanja Kerajaan Pusat \$	Belanja Kerajaan Negeri \$	Belanja L.L.N. \$	Jumlah Belanja \$
24.	Kg. Batu 9½-12, Jln. Kelantan, K. Trengganu	104	52,333	52,334	52,333	157,000
25.	Kg. Undang, Bt. Payong, K.T. ..	70	11,333	11,333	11,334	34,000
26.	Kg. Padang Tanjong (BT. 7, Telaga Mengkudu ke Masjid) Kuala Trengganu	22	5,333	5,333	5,334	16,000
27.	Kg. Apal/Kg. Bong Nangka/Kg. Tok Dat	250	16,666	16,667	16,667	50,000
28.	Kg. Alor Atas Tol, K.T.	38	4,334	4,333	4,333	13,000
29.	Kg. Jeram, Kuala Dungun		76,667	76,667	76,666	230,000
30.	Kg. Banggol Peradong, Kuala Trengganu		60,000	60,000	60,000	180,000
31.	Kg. Banggol Binjai dan Kg. Seb. Jeram, Kuala Trengganu ..		73,333	73,333	73,334	220,000
32.	Kg. Buloh Gading, Petai Bubus dan Banggol Donos, Kuala Trengganu		40,000	40,000	40,000	120,000
JUMLAH BESAR ..		1,987	\$754,487	\$754,487	\$754,487	\$2,263,461

KELANTAN



(Samb.)

Bil.	Nama Projek	Bil. Pengguna	Belanja Kerajaan Pusat \$	Belanja Kerajaan Negeri \$	Belanja L.L.N. \$	Jumlah Belanja \$
1.	Kg. Wakaf Bata Machang ..	31	10,667.00	10,667.00	10,667.00	32,001.00
2.	Kg. Palas Mentera, Kota Bharu	105	28,500.00	28,500.00	28,500.00	85,500.00
3.	Kg. Padang Tengah, Tg. Pagar, Kota Bharu ..	100	45,667.00	45,667.00	45,667.00	137,001.00
4.	Kg. Kubang Kiat, Kadok, Kota Bharu	95	55,000.00	55,000.00	55,000.00	165,000.00
5.	Kg. Kedai Buloh Tengah, Badang Kota Bharu	75	9,167.00	9,167.00	9,167.00	27,501.00
6.	Kg. Sg. Gali, Pengkalan Chepa, Kota Bharu	20	3,000.00	3,000.00	3,000.00	9,000.00
7.	Kg. Banggol Kulim, Kg. Bagus, Pasir Mas	121	21,334.00	21,334.00	21,334.00	64,002.00
8.	Kg. Jeli Tanah Merah ..	63	13,600.00	13,600.00	13,600.00	40,800.00
9.	Kg. Telaga Bata, Kg. Bunohan dan Kg. Jong Bakar ..	180	68,000.00	68,000.00	68,000.00	204,000.00
10.	Kg. Nering, Kg. Raja, Daerah Jeram, Pasir Puteh ..	100	25,000.00	25,000.00	25,000.00	75,000.00
11.	Kg. Telipot, Kg. Telesan, Daerah Jarak, Pasir Puteh ..	127	56,667.00	56,667.00	56,667.00	170,001.00
12.	Jelawat ke Bekalan, Bachok	130	48,000.00	48,000.00	48,000.00	144,000.00
13.	Peringat/Melor, Kota Bharu ..	190	48,000.00	48,000.00	48,000.00	144,000.00
14.	Kg. Teliar, Pasir Mas melalui Kg. Bechah — Benut Susu ..	80	28,567.00	28,567.00	28,567.00	85,701.00
15.	Kg. Batu 7, Batang Merbau Tanah Merah	30	9,000.00	9,000.00	9,000.00	27,000.00
16.	Kawasan Kubang Krian, Kota Bharu		30,173.00	30,173.00	30,173.00	90,519.00
17.	Kg. Belimbing, Tanah Merah	75	61,667.00	61,667.00	61,667.00	185,001.00
18.	Kg. Padang Siam	60	43,334.00	43,334.00	43,334.00	130,002.00
19.	Kedai Lalat untuk Kg. Budi, Kota Bharu Tambahan ..		9,000.00	9,000.00	9,000.00	27,000.00
20.	Wakaf Merah Pasir Mas ..		11,497.00	11,497.00	11,497.00	34,491.00
21.	Padang Selinsing, Machang ..		3,513.00	3,513.00	3,513.00	10,539.00
22.	Kayu Rendang Melalui Kampung Jambu Merah ..		4,000.00	4,000.00	4,000.00	12,000.00

KELANTAN

(Samb.)

Bil.	Nama Projek	Bil. Pengguna	Belanja Kerajaan Pusat \$	Belanja Kerajaan Negeri \$	Belanja L.L.N. \$	Jumlah Belanja \$
23.	Kampung Gu, Mukim Demit, Kubang Kerian, Kota Bharu ..		4,667.00	4,667.00	4,667.00	14,001.00
24.	Kedai, Beris, Lambah Tok Mona, Bachok		9,667.00	9,667.00	9,667.00	29,001.00
25.	Kg. Belukar Berangan, Tumpat		4,334.00	4,334.00	4,334.00	13,002.00
26.	Ka Kampung Lancang dari Jalan Buloh Poh Kota Bharu ..		10,000.00	10,000.00	10,000.00	30,000.00
27.	Menyambung ka Cabang Tiga, Bator, Jalan Teratak Pulau, Bachok		7,334.00	7,334.00	7,334.00	22,002.00
28.	Cabang Tiga Jalan Besar Pasir Mas/Meranti Kg. Padang Tok La		5,667.00	5,667.00	5,667.00	17,001.00
29.	Kg. Bukit Changal, Kota Bharu		9,167.00	9,167.00	9,167.00	27,501.00
30.	Kg. Bukit Tanah, Tumpat ..		3,000.00	3,000.00	3,000.00	24,000.00
31.	Kg. Padang Temasu, Tumpat		3,667.00	3,667.00	3,667.00	11,001.00
32.	Kg. Morak Hilir dan Hulu Tumpat		5,667.00	5,667.00	5,667.00	17,001.00
33.	Permatang Piah ke Serdang Haji Omar Bachok ..		4,834.00	4,834.00	4,834.00	14,502.00
34.	Kubang Golok — Marabang, Tumpat		9,500.00	9,500.00	9,500.00	28,500.00
35.	Kg. Pasir Putih dan Kubang Panjang		13,667.00	13,667.00	13,667.00	41,001.00
36.	Balai Polis Gunong — Lubuk Kuin, Masjid Tepus, Bachok		9,500.00	9,500.00	9,500.00	28,500.00
37.	Kg. Tok La, Pasir Mas ..		5,667.00	5,667.00	5,667.00	17,001.00
38.	Kawasan Pondok Lama, Tanah Merah		11,667.00	11,667.00	11,667.00	35,001.00
39.	Batu Melintang		28,334.00	28,334.00	28,334.00	85,002.00
40.	Gunong		23,334.00	23,334.00	23,334.00	70,002.00
JUMLAH ..			\$808,026.00	\$808,026.00	\$808,026.00	\$2,424,078.00



LAPORAN TAHUNAN KE

1hb September 1975-31hb Ogos 1976

LEMBAGA LETRIK NEGARA

TANAH MELAYU

27

PEGAWAI-PEGAWAI EKSEKUTIF UTAMA LEMBAGA

Pengurus Besar

— Y.B. Tan Sri Dato Ir. Abu Zarim bin Haji Omar, P.S.M., P.J.K., D.L.C.,
P.Eng., F.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.



Bahagian Perkhidmatan Khas

Ketua Pengarah (Perkhidmatan Khas)

— Ir. Chan Khee Pok, J.M.N., B.Sc.(Eng.), P.Eng., F.I.E.(M), C.Eng.,
F.I.E.E.

Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan Khas)

— Ir. Wong Wai Kheong, P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.

Ketua Jurutera Awam

— Ir. Fong Thin Yiew, B.E., P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.C.E.,
M.I.W.E.



Bahagian Perancang dan Pembinaan

Timbalan Pengurus Besar (Perancang & Pembinaan)

— Ir. A. Ramanath, J.S.M., B.Sc.(Eng.), P.Eng., F.I.E.(M), C.Eng.,
F.I.E.E., F.I.Mech.E.

Ketua Jurutera (Perancang & Pembinaan)

— Ir. Eddie Tan Ghee Soon, B.E.(M & E), F.I.E.(M).

Timbalan Ketua Jurutera (Penyelidikan dan Pembangunan)

— Ir. Loong Sow Toong, D.F.H., P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.

Timbalan Ketua Jurutera (Perancang Penghantaran)

— Ir. C.P. Karunakaran, B.E.(Melb.), P.Eng., M.I.E.(M).



Bahagian Kewangan

Pengawal Kewangan

— Encik Chan Kai Foo, F.A.S.A.

Ketua Akauntan

— Encik D.A. Christensen, A.R.M.T.C., A.A.S.A.(Sr.), A.C.I.S.
(setakat 2.12.75)

— Encik Robert Chen Kim Tow, A.A.S.A. (mulai 3.12.75)

Pengurus Pemerosesan Data Letronik

— Encik Fong Ah Nghoh, K.M.N., A.R.M.T.C., A.A.S.A.(Sr.), C.P.A.,
M.A.C.S.

IKATAN RESOURCE CENTRE
TENAGA NASIONAL BERHAD
JALAN SERDANG
4399 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN



Bahagian Kendalian dan Senggaraan

Timbalan Pengurus Besar (Kendalian)

— Ir. Wong Kin Hong, J.M.N., B.E.E., P.Eng., F.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.

Ketua Jurutera (Penjanaan Kuasa)

— Ir. M. Rajendra, P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.

Ketua Jurutera (Kendalian Sistem & Penghantaran)

— Ir. Leong Yoke Kow, B.Sc., C.Eng., M.I.E.E.

Ketua Jurutera (Pembahagian)

— Ir. Basil Manasseh, P.Eng., F.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E., M.I.E. (Aust.), A.M.B.I.M.

Ketua Jurutera (Pengurusan Bahan-Bahan)

— Ir. Lee Siaw Phin, B.E., P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E., M.I.E. (Aust.)

Timbalan Ketua Jurutera (Penghantaran Penyenggaraan)

— Ir. R. Rajagopal, B.Sc.(Eng.), P.Eng., M.I.E.(M).

Pengurus Kawasan (Tengah)

— Ir. Rajinder Singh Gill, M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E., P.Eng.

Pengurus Kawasan (Utara)

— Ir. Mokhtar bin Taib, A.M.P., D.B.C., M.I.E.(M)

Pengurus Kawasan (Timur)

— Ir. A. Rajadurai, P.J.K., D.B.C., P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.

Pengurus Kawasan (Selatan)

— Dato Haji Ir. Ismail bin Ahmad, D.P.M.J., P.I.S., D.B.C., P.Eng., M.I.E.(M).

Jurutera Kanan (Ibu Pejabat)

— Ir. Chan Moon Thong, D.B.C., P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E.



Bahagian Pentadbiran dan Kemajuan Pengurusan

Timbalan Pengurus Besar (Pentadbiran)

— Y.M. Ir. Tengku Daud bin Tengku Besar Burhanuddin, P.P.T., P.J.K., D.L.C., P.Eng., M.I.E.(M).

Pengarah (Pentadbiran Kakitangan)

— Ir. Nik Mohamed bin Nik Yusoff, P.Eng., M.I.E.(M).

Setiausaha

— Encik Megat Nordin bin Megat Yunus, B.A.(Malaya), M.P.A.(Pittsburgh).

Pengurus Perniagaan

— Ir. Chan Beng Kong, P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E., M.I.E. (Aust.).



Bahagian Pemeriksa Elektrik

Ketua Pemeriksa Elektrik

— Ir. Mohd. Khalid bin Din, D.B.C., P.Eng., M.I.E.(M), C.Eng., M.I.E.E., M.B.I.M.

KANDUNGAN

	Muka
Pegawai-Pegawai Eksekutif Utama Lembaga	1
Lembaga	3
Juruodit-Juruodit Lembaga	4
Perunding-Perunding Lembaga	
Tugas-Tugas dan Dasar Kewangan Lembaga	5
Sistem Lembaga	7
Penjanaan Kuasa	10
Pembangunan Hidro Elektrik	12
Perlibatan Perindustrian Lembaga	17
Pengambilalihan Jabatan Perbekalan Letrik Pulau Pinang	18
Kuasa Untuk Perindustrian	20
Penghantaran dan Pengagihan	24
Laporan-Laporan Kawasan	28
Rancangan Pembangunan	30
Bekalan Elektrik Luar Bandar	32
Pentadbiran Am	34
Analisa Unit-Unit Dijual	42
Kewangan	45
Pentadbiran Akta Letrik	53

Singkatan Huruf – huruf

L/D	=	Litar Dua
VT	=	Voltan Tinggi
kV	=	Kilovolta
kVA	=	Kilovolta Ampiar
kW	=	Kilowatt
kWj	=	Kilowattjam
VR	=	Voltan Rendah
MVA	=	Megavolta Ampiar
MW	=	Megawatt
T/A	=	Talian Atas
PTK	=	Pembawa Talian Kuasa
Penc.	=	Pencawang
B/T	=	Bawahtanah
V	=	Volta

PENGERUSI

Y.B. Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin, P.M.N., S.P.D.K., P.N.B.S.

TIMBALAN PENERUSI MERANGKAP PENGURUS BESAR

Y.B. Tan Sri Dato Abu Zarim bin Haji Omar, P.S.M., P.J.K.

AHLI-AHLI

Y.B. Tan Sri Mohd. Noor Tahir Tan, P.M.N., C.W.E., M.P.

Dr. P.P. Narayanan

Y.B. Dato Chan Keong Hon, D.P.M.S., J.S.M., A.M.N., S.M.S., P.J.K.

Encik Mohd. Jumah bin Mat Satir, P.C.M., J.P.

Y.B. Dr. Nik Hussein bin Abdul Rahman, K.M.N.

+ Tuan Haji Othman bin Abdul Malek, K.M.N.

Dr. Tan Tiong Hong

+ + Encik Mohd. Hashim bin Sam Abdul Latiff (*hingga 31.3. 1976*)

Encik Mohd. Zain bin Haji Abdul Majid

Encik Mohd. Kassim bin Sulong

+ + Encik Abdul Aziz bin Haji Mohd. Ali, J.M.N., S.M.S (*mulai 1.4. 1976 hingga 6.8. 1976*)

Encik Sulaiman bin Mohd. Amin (*mulai 7.8. 1976*)

+ Ahli Pengganti — Encik Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil

+ + Ahli Pengganti — Encik Sulaiman bin Mohd. Amin (*hingga 6.8. 1976*)

Mulai 5hb. Mac 1976, Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu tidak lagi terletak di bawah Kementerian Tenaga Teknologi & Penyelidikan tetapi mulai daripada tarikh itu ianya terletak di bawah Kementerian Kerja Raya & Kemudahan-Kemudahan Awam.

Juruodit-Juruodit Lembaga

SYARIKAT PRICE WATERHOUSE & CO., KUALA LUMPUR.

SYARIKAT HANAFIAH, RASLAN, MOHAMAD & PARTNERS, KUALA LUMPUR

Perunding-Perunding Lembaga

SYARIKAT PREECE, CARDEW & RIDER, BRIGHTON, U.K. DAN KUALA LUMPUR.

SYARIKAT SIR BRUCE WHITE, WOLFE BARRY & PARTNERS, LONDON.

SYARIKAT SHAWINIGAN ENGINEERING COMPANY LIMITED, CANADA.

Lembaga mempunyai tugas-tugas berkanun untuk menggalakkan penjanaan tenaga elektrik dengan tujuan untuk membangunkan ekonomi Semenanjung Malaysia dan untuk menjamin bekalan tenaga itu dengan harga-harga yang berpatutan. Ia juga mempunyai tugas untuk menasihatkan Y.B. Menteri, yang bertanggungjawab mengenai elektrik, atas semua perkara berkaitan dengan penjanaan kuasa dan penggunaannya. Lembaga dikehendaki mengurus dan mengendalikan pemasangan-pemasangan elektrik yang dipindahmilik atau diambil atau ditubuhkan oleh Lembaga. Dalam bidang perundangan, Lembaga telah diberi tugas-tugas untuk mengadakan peraturan-peraturan bagi penjanaan kuasa dan penggunaan tenaga elektrik. Untuk membolehkannya menjalankan tugas-tugas itu Lembaga telah diberi hak dengan mempunyai kuasa-kuasa yang luas untuk membina dan mengendalikan talian-talian bekalan dan stesen-stesen Janaelektrik, menjanakuasa dan menjual tenaga elektrik dan memperolehi loji janakuasa, dan harta benda dan untuk memasang atau membuat loji-loji dan pasangan-pasangan elektrik.


Adalah menjadi tugas Lembaga sebagai sebuah pertubuhan yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai, untuk menentukan yang hasilnya, setelah menyelesaikan semua perbelanjaan termasuk susutan dan bunga atas pokok, digunakan untuk membiayai sebahagian dari rancangan pembangunan pokoknya untuk menghadapi keperluan kuasa elektrik yang kian bertambah di negara ini. Kadar-kadar perkembangan yang tinggi di dalam bidang bekalan elektrik yang menggunakan banyak modal ini memerlukan penggunaan hampir semua baki hasilnya bagi membiayai rancangan pembangunan pokok.


TUGAS-TUGAS DAN DASAR KEWANGAN LEMBAGA

Upacara pembukaan rasmi pejabat baru LLN di Johor Bahru oleh DYMM Sultan Johor.



PERKEMBANGAN PENJANAAN ELEKTRIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA 1930-1976





STESEN HABA
UNIT 13,421,300



STESEN HIDRO
UNIT 1,782,400



STESEN
DIESEL
UNIT
620,300



DIBELI
UNIT
485,100

PURATA UNIT-UNIT DIJANA/DIBELI SEHARI

Sistem Lembaga

PERANGKAAAN-PERANGKAAAN PENTING

KEUPAYAAN JANAKUASA TERPASANG

HABA	850.0 MW
HIDRO	265.4 MW
DIESEL	72.5 MW

KAWASAN YANG DIBEKALKAN

KE SEBELAS NEGERI-NEGERI
SEMENANJUNG MALAYSIA
TERMASUK PULAU PINANG
DAN SEBAHAGIAN NEGERI
PERAK.

KEHENDAK MAKSIMA

RANGKAIAN BARAT 843.77 MW

PENGUNA-PENGUNA YANG DIBEKALKAN

KAWASAN TENGAH	226,982
KAWASAN UTARA	273,456
KAWASAN SELATAN	221,469
KAWASAN TIMUR	117,002

TALIAN-TALIAN PENGHANTARAN

275 kV	98.00 batu
132 kV	693.53 batu
66 kV	333.47 batu

HARTA-HARTA TETAP

\$1,893,511,850

PENCAWANG-PENCAWANG

BILANGAN PENCAWANG-PENCAWANG 4,346
KEUPAYAAN ALATUBAH 6,091 MVA

MILIKAN

\$164,719,000 SAHAM-SAHAM BIASA DIPEGANG
OLEH KERAJAAN MALAYSIA
\$3,000,000 SAHAM-SAHAM BIASA DIPEGANG
OLEH KERAJAAN NEGERI PAHANG


VOLTAN PENGGUNA-PENGUNA YANG DIAKUI

240V + 5%	FASA SATU
- 10%	
415V + 5%	FASA TIGA
- 10%	

UNIT-UNIT DIJUAL


4,543,555,121 kWJ

GRAF BEBAN HARIAN — RANGKAIAN BARAT



TALIAN-TALIAN PENGHANTARAN

	Yang Bertugas	Dirancangkan Atau Sedang Dibina	Talian — talian PRHEP Bhd.
132 kV dan atas			
66 kV			
33 kV dan bawah			



STESEN-STESEN JANA ELEKTRIK YANG UTAMA



Penjanaaan Kuasa

Stesen-stesen Janaelektrik Haba dan Hidro yang disambungkan ke Rangkaian Barat mempunyai Keupayaan 1115.4 MW, bertambah 310 MW daripada tahun lepas. Stesen-stesen ini menjanakan sejumlah 4,973,467,115 unit berbanding dengan 4,300,166,258 unit yang dijana dalam tahun lepas, menunjukkan tambahan sebanyak 15.66%. Angkadar beban pada keseluruhannya telah turun sedikit dari 71.6% ke 67.6% sambil itu angkadar beban harian berbeza antara 71.9% dan 84.2%.

Stesen Janaelektrik Tuanku Jaafar — Dengan siapnya 2 lagi unit dalam Peringkat III, iaitu unit-unit No. 5 dan 6 (120 MW tiap-tiap unit) dalam bulan Januari dan Julai 1976 masing-masing, stesen ini sekarang mempunyai Keupayaan terpasang sebanyak 480 MW. Unit No. 7, unit terakhir yang akan dipasang di bawah Program Tambahan Terakhir (Peringkat III) ke Stesen Janaelektrik Tuanku Jaafar, dijangka akan dilancarkan pada bulan Mac 1977.

Stesen Janaelektrik Sultan Ismail — Program Tambahan Terakhir (1 x 30 MW). Projek ini telah selesai. Loji Tarbin dan Dandang telah dilancarkan pada bulan Februari dan Mei 1976 masing-masing.

Stesen Janaelektrik Perai (3 x 120 MW) — Kontrak-Kontrak Dandang dan Tarbin untuk Stesen Janaelektrik Perai (3 x 120 MW) telah diberi pada bulan Februari 1976 dan Mei 1976 masing-masing. Tawaran-tawaran bagi kontrak-kontrak berkaitan telah dijemput dan dikembalikan. Penyediaan tawaran-tawaran untuk kontrak-kontrak kerja awam dan loji sedang dimajukan.

Keseluruhan pengurusan projek dan pengendalian kontrak-kontrak loji sedang dijalankan oleh kakitangan Lembaga dengan bantuan Syarikat Preece Cardew & Rider, United Kingdom. Kerja-kerja awam sedang dikendalikan oleh firma tempatan iaitu Malaysia International Consultants Sdn. Bhd.



Unit pertama dijangkakan pada masa ini untuk pelancaran pada bulan Ogos 1979, diikuti dengan unit kedua pada bulan Februari 1980 dan yang ketiga pada bulan Ogos 1980. Bagi unit yang ketiga ini merupakan sepuluh bulan cepat daripada rancangan asal yang diakibatkan daripada penilaian semula (reappraisal) loji pembangunan janakuasa berikutan perbincangan dengan Bank Dunia.

Tata Consulting Engineers, India, telah dilantik sebagai Perunding untuk projek stesen janaelektrik Haba Pasir Gudang (2 x 120 MW). Kontrak-kontrak untuk "site survey" dan "Soil Investigation" telah pun diberi. Tender-tender untuk "Hydrographic Survey", "Site Clearance" dan "Reclamation" adalah di dalam peringkat penentuan. Unit yang pertama dijangka untuk dilancarkan pada bulan Februari, 1981.

Stesen Janaelektrik Haba Glugor telah dimiliki oleh Lembaga pada 1hb Januari 1976. Stesen ini menambahkan sebanyak 40 MW Keupayaan terpasang kepada Sistem Lembaga.

Atas: Tarbin-Jenarus Ulangalik — Peringkat I dan II Stesen Janaelektrik Tuanku Jaafar — Port Dickson.

Bawah: Tarbin-Jenarus Ulangalik — Peringkat III — Stesen Janaelektrik Tuanku Jaafar — Port Dickson.



Pembangunan Hidro Elektrik

Temengor, Perak

Kerja-kerja oleh Kontraktor Kerja-Kerja Awam Utama pada amnya tetap berjalan dengan maju sungguhpun kerap kali berlaku gangguan loji 'grizzly' dan loji penyukat konkrit. Akibat gangguan-gangguan ini belambatan telah berlaku di dalam pembinaan ampangan utama dan permulaan penakungan kolamair Temengor terpaksa ditangguhkan hingga 1hb Oktober 1976.

Dengan siapnya Terowong Alihan yang kedua menjelang pertengahan bulan Disember 1975 air sungai telah dapat mengalir melalui kedua-dua Terowong Alihan itu. Dalam bulan Mac 1976 Terowong Alihan yang pertama telah ditutup dan kerja mengonkrit dan pemasangan injap-injap telah dimulakan. Penutupan Terowong Alihan yang kedua untuk menakung kolamair dijadualkan pada 1hb Oktober 1976.

Ampangan Peringkat I yang akan dapat menahan banjir monsun 1975 telah siap menjelang akhir bulan Oktober 1975 sebelum bermula musim hujan. Selepas ianya siap asas-asas telah dikeringkan air dan dikorek ke bahan yang kukuh. Kerja menguatkannya dan penurapan langsir dan pembubuhan konkrit gigi di terusan sungai utama telah dijalankan. Kerja meletakkan bahan-bahan benteng telah dimulakan pada awal bulan November dan hingga ini ampangan itu telah meningkat 650 kaki tinggi dari Aras Purata Laut (M.S.L) dan adalah kira-kira 50% siap.

Pengorekan keempat-empat Terowong Kuasa dalam tempoh kajian ini dan berikutan dari itu, pemasangan dan pengalasan konkrit Pengalas Terowong Keluli telah dimulakan. Hingga sekarang, kerja ini hampir siap.

Kerja mengorek Pelongsor Alorlimpah, Saluran Masuk Alorlimpah dan kawasan Lapanganuis sedang dijalankan. Kerja konkrit Pencawang Masuk No. 2 dan 3 telah dijalankan dan sekarang hampir siap. Kerja mengorek untuk kedua-dua Pencawang Masuk lagi sedang berjalan.

Kerja membuat Loji Elektrik dan Jentera dan alat-alat di Kilang Pembekal-Pembekal masih diteruskan. Ini termasuk Tarbin-Tarbin, Janakuasa-Janakuasa dan Krin Stesen Janaelektrik, Alatubah-Alatubah, Perkakas-swis V.T. dan Alat-Alat Elektrik Bantu Stesen Janaelektrik. Tender-tender telah dipelawa bagi Memasang Kebel dan Membumi, Pengudaraan dan Nyamanan-Udara, Lampu-Lampu dan Alat-Alat Jentera Bantu. Ini dijangka akan diberi dalam tempoh yang akan datang. Pintu-pintu Utama dan Rak-Rak 'Trash' telah dihantar ke tapakbina dalam bulan April 1976 dan sedang menunggu pemasangan.

Tender-tender telah dipelawa dan kontrak-kontrak telah diberi untuk pembinaan dua buah jambatan jalanraya konkrit tekanan-dulu dan kerja-kerja pembaikan jalan di sepanjang jalan utama Baling/Grik. Kerja-Kerja di bawah kedua-dua kontrak bermula dalam bulan April/Mai 1976 dan kemajuan yang memuaskan telah dicapai.

Kontrak bagi kerjatanah dan kerjajalan bagi perumahan tetap dalam bulan September 1975. Kerja-kerja mengenai kontrak ini siap dalam bulan Ogos 1976. Pembinaan rumah-rumah kakitangan tetap sedang dijalankan. Kontrak bekalan air untuk rumah-rumah tetap telah diberi dan kerja di tapakbina telah dimulakan.

Semua kerja mengenai Penempatan Semula Air Ganda siap menjelang pertengahan bulan Jun 1976 dan penduduk-penduduk Kampung Temengor telah dipindahkan ke Kampung Ganda Temengor lewat bulan Jun 1976.



Kontrak bagi kerja-kerja pembangunan pertanian Penempatan Semula Air Ganda telah diberi dalam bulan Februari 1976. Berikutan dari ini, kerja-kerja menanam getah telah berjalan dengan lancar dalam tempoh ini. Penanaman getah di tempat semeian dijangka bermula tidak lama lagi. Pengukuran dan pembersihan hutan belukar sedang diteruskan berhubung dengan pembangunan dusun dan kawasan ternakan.

Tapakbina Empangan Temengor — Pemandangan dari Udara.



Atas: DYMM Sultan Perak merasmikan pembukaan Rancangan penempatan Kampong Ganda, Temengor.

Bawah: Rancangan penempatan yang moden di Kampong Ganda, Temengor.



Kenyir, Trengganu


Penyiasatan luar Projek Ampangan serbaguna Kenyir di Negeri Trengganu telah siap dalam bulan November 1975, dan draf laporan muktamad projek ini telah dikemukakan dalam bulan April 1976. Laporan ini telah dikaji dalam bulan Mei dan Jun 1976, dan adalah dijangka bahawa laporan Muktamad mengenai kemungkinan akan diperolehi menjelang akhir bulan September 1976.

Projek Kenyir seperti yang diramalkan akan mengandungi sebuah ampangan utama, 8 ampangan pelana dan kerja-kerja tambahan termasuk sebuah alirmasuk yang membekalkan 4 tekanan dan talianpaip ke stesen janaelektrik permukaan air yang lazim. Keupayaan terpasang seluruhnya ialah 400 MW yang mengandungi 4 unit 100 MW tiap-tiap satu. Pengeluaran tenaga purata setahun dianggarkan sebanyak 1600 juta jam-kilowatt.


Ampangan utama ialah binaan timbunan batu setinggi 150 m (492 kaki), dan ampangan-ampangan pelana ialah pembinaan timbunan tanah. Jumlah isi padu bagi ampangan-ampangan ini ialah 22 juta m padu (29 juta ela padu) dan kolamair yang terbentuk itu akan mempunyai kawasan permukaan seluas 370 km persegi (140 batu persegi).



PETA KEDUDUKAN



MUKAKERATAN EMPANGAN



SUSUNAN AM – EMPANGAN DAN STESEN JANA ELEKTRIK

Selain dari penjana kuasa, Projek ini akan mempunyai kesan-kesan pengurangan banjir yang agak banyak di kawasan-kawasan hilir sungai. Lain-lain faedah alurlimpah akan termasuk pembaikan aliran sungai dan kemungkinan mengadakan usaha menternak ikan air tawar, tempat permainan dan pelancungan.

Bersia dan Kenering, Perak

Penglulusan bagi kerja-kerja penyiataan tapak Projek-Projek Bersia dan Kenering telah diberi oleh Kerajaan Negeri Perak dan Kontraktor bagi Penyiataan Bawah-permukaan tanah telah memulakan kerja mengorek dalam bulan November 1975. Ini telah diikuti pula dengan kerja membuat lubang-lubang ujian, gerimit, pengukuran tinjau kajibumi, pengujian contoh makmal dan penyelidikan rupabumi. Kesemuanya lebih dari 5,000 kaki pengorekan yang menggunakan mata berlian telah dilakukan di kedua-dua tapakbina projek.

Di samping itu, Perunding-Perunding telah menjalankan kajian-kajian pejabat di Montreal, Kanada, dengan tujuan hendak menyedia dan menyiapkan laporan muktamad sebelum Pelaburan di dalam separuh tahun kedua tahun 1976.

Tembeling, Pahang

Laporan muktamad sebelum pelaburan Projek Ampangan Serbaguna Tembeling di negeri Pahang telah diterima dalam bulan Ogos/September 1975, dan dalam bulan Oktober dan November 1975, kajian terhadap syor-syor mengenai projek ini dan masalah-masalah pelaksanaan telah dibuat. Kajian itu telah menunjukkan bahawa dari segi ekonomi Projek ini adalah memuaskan dan tinggi ampangan itu boleh ditambah dengan berfaedah setinggi 6 m (20 kaki) lagi.

Dalam bulan Ogos 1976, satu keputusan telah dibuat untuk menangguhkan pelaksanaan Projek ini. Masalah-masalah yang masih belum diselesaikan termasuklah masalah-masalah socio-ekonomi mengenai kebanjiran kampung-kampung di ulu sungai, kesan kepada kawasan sekitarnya, rancangan-rancangan penyelidikan sejarah dan kajipurba dan pembinaan jalan masuk ke tapakbina.

Projek-projek Hidro Akan Datang

Menjelang akhir tempoh kajian, langkah-langkah telah diambil untuk mengkaji dan mengemaskini laporan sebelum pelaburan Projek Hidro-Elektrik Pergau di negeri Kelantan. Kajian ini sekarang sedang berjalan dan adalah dijangka akan siap pada awal tahun 1977. Perbincangan-perbincangan mengenai pembangunan punca-punca air di Kelantan masih diteruskan, dan keputusan mengenai kajian-kajian kemungkinan projek-projek Nenggiri dan Lebir belum dapat dibuat sehingga siapnya kajian mengenai lembangan Sungai Kelantan pada pertengahan tahun 1977.

Dalam tempoh kajian ini, pembangunan kuasa hidro yang berkemungkinan di kawasan sekitar Ulu Trengganu telah ditentukan. Kajian-kajian permulaan menunjukkan bahawa rancangan ini boleh mengadakan pengeluaran tahunan sebanyak 360 juta jam-kilowatt dari sebuah pepasangan 100 MW.

Belum ada kemajuan berhubung dengan projek-projek kuasa hidro yang lain di Pahang dan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Perlibatan Perindustrian Lembaga Letrik Negara

Berhubung dengan usahasama pertama yang dijalankan oleh Lembaga bagi membuat kabel kuasa bertebat kertas bersalut timah bersama dengan Federal Cables, Wires and Metal Manufacturing Berhad dan Fujikura Cable Works Ltd., Jepun, pengeluaran kabel telah dimulakan dalam bulan Feb. 1976. Setakat 31hb. Ogos, 1976 kilang tersebut telah mengeluarkan 146 gelendong atau 36.5 km kabel, 185 m.m.p. PILCDSTA. Pengeluaran kecil seperti angka tersebut adalah disebabkan oleh beberapa masalah seperti yang dijangkakan apabila mesin-mesin baru dipasang. Walau bagaimanapun, kebanyakan masalah ini telahpun dapat diatasi dari masa ke masa, sementara pengendali-pengendali mesin dan penyelia mendapat pengalaman yang cukup bagi mengendalikan mesin-mesin tersebut, dan adalah diharapkan pengeluaran akan meningkat di masa hadapan.

Berhubung dengan projek bagi membuat alatubah pembahagian, Lembaga adalah di peringkat akhir dalam perundingannya dengan pihak yang dipilih.

Berhubung dengan projek bagi membuat jangka KWH satu fasa cadangan-cadangan telah diterima daripada beberapa pengusaha-pengusaha membuat jangka yang ternama dari negeri-negeri seperti Britain, India, Jepun dan Yugoslavia. Penilaian berkenaan cadangan-cadangan ini telahpun selesai dan pemilihan satu daripada syarikat-syarikat yang berminat untuk menubuhkan usahasama akan dilakukan oleh Lembaga tidak berapa lama lagi.

Federal Power & Telecoms Sdn. Bhd. Shah Alam, Selangor.

Pengurus Besar, Tan Sri Dato Abu Zarim bin Haji Omar menyampaikan ucapan di upacara pembukaan rasmi.



Pengambilalihan Jabatan Perbekalan Letrik Pulau Pinang

Atas permintaan Kerajaan, Lembaga telah mengambilalih Jabatan Perbekalan Letrik Pulau Pinang pada 1hb. Januari 1976. Dengan penyatuan ini tambahan 40 MW keupayaan terpasang ditambah kepada sistem Lembaga. Stesen Janaelektrik Glugor menjana 157,780,900 unit dari tempoh 1hb. Januari 1976 hingga 31hb. Ogos 1976, dengan keupayaan haba purata sebanyak 23.02% sejumlah 483,587 unit telah dijana oleh Loji Diesel Sungai Pinang (keupayaan terpasang 8 MW) dalam tempoh yang sama. Jumlah pengguna yang diambilalih adalah melebihi 64,242.

Atas: Pemandangan Pulau Pinang dari udara diambil dari Bukit Bendera.

Bawah: Stesen Janaelektrik Glugor, Pulau Pinang.
















Atas: Bangunan Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara. Pusat Kawasan Pelajaran bagi Pelajaran dalam bidang Sains dan Ilmu Hisab, Glugor, Pulau Pinang.

Bawah: Pemandangan dari udara Kompleks Perniagaan, Pulau Pinang dengan laut selat utara yang memisahkan Pulau Pinang dengan Butterworth.



Kuasa Untuk Perindustrian

UNIT-UNIT DIBEKALKAN KEPADA PERINDUSTRIAN
SEBAGAI % DARIPADA UNIT-UNIT DIJUAL



Dalam tahun 1959/60 unit yang dijual kepada industri (tidak termasuk perlombongan) ialah 92,557,972 kWj iaitu 17% daripada 544,904,807 kWj jumlah unit yang dijual. Semenjak itu sungguhpun jumlah unit-unit yang dijual telah bertambah sebanyak kira-kira 8.34 kali ke 4,543,555,121 kWj unit-unit yang dijual kepada industri telah bertambah sebanyak 25.20 kali ke 2,344,184,011 kWj iaitu 51.6% daripada jumlah unit-unit yang dijual.

Atas: Limbungan kapal — Pasir Gudang, Johor.

Bawah: Kawasan Perindustrian, Semambu, Kuantan.



Atas: Kawasan Perindustrian — Bayan Lepas — Pulau Pinang.

Bawah: Kilang Elektronik, Bayan Lepas, Pulau Pinang.



Atas: Syarikat membuat tayar, Shah Alam, Selangor.

Bawah: Bahagian Pembuatan — Syarikat Elektronik — Bayan Lepas — Pulau Pinang.



Penghantaran dan Pengagihan

Atas: Pencawang utama di Petaling Jaya, Selangor.

Bawah: Bangunan Baru Kompleks Kastam, Johor Bahru.



Atas: Hotel Rasa Sayang, Batu Ferringgi, Pulau Pinang.

Bawah: Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar), Pulau Pinang.



Penghantaran

Dalam tahun berakhir pada 31hb Ogos 1976, sistem kehendak maksimum telah bertambah sebanyak 157.37 MW dari 686.4 kepada 843.77 MW, pada 13hb Ogos 1976 iaitu tambahan sebanyak 22.92%. Ini termasuk eksport tambahan sebanyak 30 MW kepada Perak Hidro dari 70 MW kepada 100 MW dan kemasukan penjana Pulau Pinang sebanyak 36 MW ke dalam sistem kehendak maksimum kita. Kenaikan bersih di dalam sistem kita sendiri hanyalah 91.37 MW iaitu bersamaan dengan 13.31%. Walau bagaimanapun, jumlah tambahan penjana di dalam sistem Lembaga ialah 121.37 MW atau 17.68% lebih dari tahun penjana yang dahulu sebanyak 686.4 MW.

Sistem penghantaran Lembaga telah dilanjutkan dengan merentang talian penghantaran 132kV litar dua ACSR 300 mm. persegi dari Chenderiang ke Kg. Gajah dan Lumut yang berjumlah 72.8 kilometer, talian penghantaran 132kV litar dua 150 mm. persegi ACSR dari Kg. Gajah ke Teluk Anson berjumlah 23.5 kilometer, dan satu talian 132kV litar satu ACSR 150 mm. persegi dari Kuantan ke Pekan berjumlah 33.6 kilometer. Talian-talian ini akan dilancarkan pada awal tahun 1977 bersama-sama dengan pencawang-pencawang yang berkenaan di Kg. Gajah, Lumut, Teluk Anson, Kuantan dan Pekan.

Bekalan borong 66/11kV telah diadakan ke Kawasan Perusahaan Air Keroh, Melaka, dengan pelancaran satu talian penghantaran 132kV litar dua ACSR 150 mm. persegi sepanjang 6.7 kilometer dari Semabok ke Air Keroh dengan pencawang yang mempunyai 2 set 7.5 MVA 66/11kV.

Kerja-kerja sedang dijalankan mengenai pembinaan talian penghantaran 275kV kembar litar dua ACSR 300 mm. persegi dari Temengor ke Papan sejumlah 150 kilometer dan talian 275kV yang serupa dari Port Dickson ke Melaka berjumlah 62 kilometer yang dijadualkan siap masing-masing dalam bulan Oktober 1976 dan Oktober 1977. Kerja pembinaan juga berjalan dengan memuaskan bagi talian 132kV litar dua ACSR 150 mm. persegi dari Kuantan ke Tg. Gelang, dan talian 132kV litar satu ACSR 150 mm. persegi dari Alor Setar ke Bukit Ketri.

Rancangan-rancangan telah disiapkan untuk membina talian 132kV litar dua ACSR 300 mm. persegi kembar dari Melaka ke Semabok, Muar, Yong Peng dan Kluang, dan talian 132kV kembar litar satu ACSR 150 mm. persegi dari Kluang ke Scudai. Tambahan-tambahan selanjutnya telah dirancang untuk talian 132kV litar dua ACSR 300 mm. persegi dari Yong Peng ke Batu Pahat dan talian 132kV litar dua dari Scudai ke Majidee dan Kota Tinggi yang akan siap menjelang pertengahan tahun 1979.

Pencawang-Pencawang yang telah Dilancarkan dan Disambung

1. Kawasan Perusahaan Kemunting	132/11kV 2 x 15 MVA
2. Kawasan Perusahaan Air Keroh	66/11kV 2 x 7.5 MVA
3. Scudai, Johor	66/22kV 2 x 15 MVA
	66/11kV 2 x 7.5 MVA
4. Kompleks Kastam, Johor Bahru	22/6.6kV 2 x 12.5 MVA
5. Kuala Lumpur (Selatan)	33/11kV 2 x 15 MVA
6. Jalan Empat, Kuala Lumpur	33/11kV 2 x 15 MVA
7. Batu Caves, Kuala Lumpur	33/11kV 2 x 15 MVA
8. Dah Yung Steelworks, Kuala Lumpur	33/11kV 2 x 7.5 MVA
9. Segambut, Kuala Lumpur	132/33kV 45 MVA Ketiga
	33/11kV 15 MVA Ketiga
10. Mak Mandin, Perai	33/11kV 2 x 15 MVA
11. Kepala Batas, Alor Setar	33/11kV 2 x 5 MVA

Peristiwa Penting Mengenai Aktiviti Penghantaran dan Pengagihan

1. 25.6 kilometer kabel berisi minyak MVA 132kV telah ditanam dari Pencawang Bukit Raja, Kelang ke Pencawang Kawasan Perusahaan Pelabuhan Kelang, dan dari Pencawang K.L. (Selatan) ke Pencawang S.E.A. Park.
2. 11.25 kilometer kabel 33kV berisi minyak 30 MVA telah ditanam di daerah Petaling Jaya dan Kuala Lumpur.
3. Satu talian Silmalec sepanjang 14 kilometer telah dibina antara Alor Setar dengan Kepala Batas.
4. Satu talian Tembaga 33kV 0.025 mm. persegi telah dilancarkan antara Kampung Apal dengan Kampung Jabi, Kelantan.
5. Satu talian Silmalec 33kV 0.15 mm. persegi telah didirikan dari Stesen Hidro Sempam ke Bukit Frazer, yang dikendalikan pada permulaannya pada 11kV.

Projek-Projek Besar yang Dirancangkan

1. Talian 275kV Chenderiang ke Rawang : Talian 275kV litar dua ACSR kembar 400 mm. persegi dari Chenderiang ke Rawang, dan menambah kadar talian Rawang-K.L. (Utara)-K.L. (Selatan) ke 275kV.

2. Pembangunan Penghantaran Melaka-Kluang-Scudai



: Pembinaan pencawang-pencawang 275kV dan 132kV seperti berikut:-

Melaka	275/132kV	2 x 180 MVA
Semabok	132/11kV	2 x 30 MVA
Air Keroh	132/11kV	2 x 15 MVA
Muar	132/11kV	2 x 15 MVA
Yong Peng	132/11kV	2 x 7.5 MVA
Batu Pahat	132/11kV	2 x 15 MVA
Kluang	132/66kV	2 x 75 MVA
Johor Tengah	132/11kV	2 x 15 MVA
Scudai	132/66kV	2 x 90 MVA
Kota Tinggi	132/22kV	2 x 15 MVA

3. Pencawang-Pencawang Pemasukan Utama Penghantaran


: Temoh	132/66kV	2 x 75 MVA
Batang Berjuntai	132/33kV	2 x 30 MVA
Tikam Batu	132/33kV	2 x 30 MVA
Semambu, Kuantan	132/11kV	2 x 7.5 KVA
Genting Tunnel	132/11kV	2 x 5 KVA
Lapangan Terbang, Subang	66/11kV	2 x 15 KVA
Universiti Kebangsaan	66/11kV	2 x 7.5 KVA

Kawasan Utara




Kawasan Tengah


Kawasan Timur



Daerah-Daerah
Kota Baru & Daerah
Kuala Trengganu
Kuantan
Raub



Daerah-Daerah
Batu Pahat
Johor Bahru & Daerah
Keluang
Melaka & Daerah
Muar
Seremban & Daerah



Kawasan Selatan

Rancangan Pembangunan

MEGAWATTS

3100
3000
2900
2800
2700
2600
2500
2400
2300
2200
2100
2000
1900
1800
1700
1600
1500
1400
1300
1200
1100
1000
900
800
700

1976

1977


1978

1979


1980

1981

TAHUN BERAKHIR 31HB



n



Bekalan Elektrik Luar Bandar

Bekalan Elektrik Luar Bandar

Peruntukan bagi Bekalan Elektrik Luar Bandar untuk tahun 1975/76 ialah \$32.04 juta. Ini ialah untuk pelaksanaan kira-kira 433 projek yang meliputi kira-kira 613 buah kampung dan memberi faedah kepada sejumlah lebihkurang 61,000 orang pengguna.

Sumbangan untuk pembiayaan projek ini ditanggung sama rata atas asas $\frac{1}{3}$ bagi tiap-tiap pihak oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri yang berkenaan dan LLN kecuali Negeri Perlis, Kedah, Melaka, Trengganu dan Kelantan yang mana sumbangan-sumbangannya ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Sumbangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun ini \$16.37 juta, Kerajaan Negeri ialah \$4.99 juta dan LLN telah menyumbangkan \$10.68 juta.

Oleh kerana terdapat banyaknya projek yang terpaksa ditangguhkan disebabkan oleh kekurangan bahan-bahan yang berterusan pada tahun 1974 dan juga kekurangan bahan-bahan keperluan rod umbang, pendakap-D, bebusar dan didal (bow and thimble) dll., yang begitu lumrah sekali, adalah tidak mungkin untuk mengurangkan bilangan projek-projek yang terpaksa ditangguhkan ke tahun-tahun berikutnya walaupun kedudukan bahan-bahan tersebut bertambah baik pada tahun 1975. Kesulitan-kesulitan yang lazim dalam mendapatkan tanah untuk pencawang dan tapak-tapak stesen luar bandar dan izinlalu untuk sesalur-sesalur atas V.R. masih dialami dan ini menambahkan lagi kelambatan melaksanakan projek-projek yang diluluskan. Kira-kira 44% daripada semua projek yang diluluskan mulai tahun 1971 hingga dan termasuk 1975 terpaksa dibawa ke hadapan ke tahun 1976.

Disebabkan oleh penglulusan Kerajaan Persekutuan yang lewat bagi projek-projek (misalnya senarai yang diluluskan untuk tahun 1976 diterima dalam bulan Ogos 1976) dan dengan adanya projek-projek tertangguh yang akan dijalankan, bolehlah dikatakan untuk tujuan-tujuan praktikal bahawa beberapa buah projek 1976 sahaja telah dilancarkan dalam tahun itu.


Kebanyakan projek Bekalan Elektrik Luar bandar adalah tambahan-tambahan kepada sistem-sistem pengagihan V.T. dan V.R. yang sedia ada. Bagaimanapun, selain dari itu, stesen-stesen luar bandar juga di bina untuk mengadakan bekalan 12 jam ke tempat-tempat terpencil.

Setakat 31hb Ogos 1976, 103 stesen luar bandar telah dikendalikan dan 28 ada lah dalam berbagai peringkat pembinaan.

KEMAJUAN BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR

BILANGAN KAMPUNG YANG DIBEKALKAN

BILANGAN PENGGUNA-PENGGUNA DESA



TAHUN BERAKHIR 31HB OGOS

Pencawang elektrik luar bandar atas tiang yang lazim.



Pentadbiran Am

Tanah yang Dipindahmilik dan Diletakhak kepada Lembaga

Berikutan dari syor Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri Negeri-Negeri Tanah Melayu supaya Lembaga diberi hakmilik tetap bagi semua tanah yang dipindahmilik dan diletakhak kepada Lembaga di bawah Seksyen 29 Akta Letrik 1949, semua Kerajaan Negeri Johor, Selangor, Perak, Trengganu, Perlis, Melaka, Pahang, Negeri Sembilan, dan Kelantan kini sudah bersetuju untuk mengeluarkan Gran Kekal tanpa membayar premium dan tanpa syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan terhadap kepentingan tetapi tertakluk kepada pembayaran ukur dan cukai tanah tahunan. Kerajaan Negeri Kedah sedia memberi pajakan untuk 60 tahun sahaja. Lembaga telah membuat permohonan bagi pengeluaran hakmilik seperti itu dan hingga sekarang 20 hakmilik telah dikeluarkan.

Kakitangan dan Perhubungan Kakitangan

Jumlah bilangan kakitangan yang berkhidmat dengan Lembaga setakat 31hb Ogos 1976 ialah 12,780 yang mengandungi seperti berikut:-

Kategori	Bilangan
A	476
B	138
C	1,997
D	10,169

Peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Kejohanan Olahraga LLN Yang Ke20.



Kebajikan

Sebagai mengikuti dasar Lembaga untuk memberi rawatan perubatan kepada kakitangannya, jumlah bilangan doktor perubatan swasta yang dilantik untuk memberi rawatan di beberapa daerah adalah seramai 45 orang pada penghujung tempoh kajian laporan ini.

Jumlah bilangan banglo perangan setakat ini ialah 16-4 di Cameron Highlands, 6 di Port Dickson, 3 di Pulau Pinang, 1 di Kuantan, 1 di Johor Bahru, dan 1 di Bukit Fraser.

31 buah kelab kilat telah menjalani aktiviti yang cergas sepanjang tahun ini dan telah menunjukkan kecemerlangannya di dalam berbagai permainan "league" yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan di Negeri masing-masing. Beberapa orang kakitangan telah mewakili negeri-negeri dan Malaysia di dalam beberapa permainan.

Sukan Tahunan LLN ke-20 di peringkat Persekutuan telah diadakan pada 9hb dan 10hb Julai 1976. Peserta-peserta telah menunjukkan banyak pembaikan. Kawasan Selatan telah muncul sebagai juara kawasan. LLN telah mengambil bahagian dalam 10 daripada 15 acara anjuran Majlis Sukan Anggota-Anggota Kerajaan dan muncul sebagai juara dalam acara bola-sepak, kriket, golf dan hoki. LLN telah diberi penghormatan untuk menganjurkan kejohanan golf Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan yang telah diadakan dari 29hb April hingga 1hb Mei 1976 di Kelab Golf, Kebangsaan Subang.

Skim memiliki rumah dengan bantuan Lembaga telah mula memberi bantuan kepada kakitangannya untuk membina rumah mereka pada tahun 1958. Semenjak itu pinjaman wang yang berjumlah sebanyak \$27,563,890.46 telah diberikan kepada 1,334 orang pekerja.

Pada 31hb Ogos 1976, 3,364 pekerja telah ditempatkan dalam Perjawatan Berpencen. Bagi skim Kumpulan Wang Simpanan Janda dan Anak Yatim, tindakan telah diambil ke arah pembubarannya selaras dengan perakuan suruhanjaya Gaji Harun.

Kumpulan Wang Khairat Kematian Kilat memberi pertolongan wang tunai dengan sertamerta kepada janda atau penerima yang dilantik. Kumpulan ini mempunyai ahli seramai 6,505 orang iaitu kurang 26 orang ahli daripada tahun sebelumnya.

Syarikat Kerjasama Jimat-Cermat dan Pinjaman Wang LLN telah berkembang dengan baiknya dalam tempoh kajian lapuran tersebut. Jumlah bilangan ahli bertambah dari 4,242 orang kepada 4,566 orang. Jumlah sumbangan ialah \$7,252,046.00. Pelaburan dalam syarikat Kerjasama dan Sektor-Sektor Swasta berjumlah sebanyak \$3,764,000.00.

Keperluan Tanah

Dalam tahun ini, notis-notis sebagaimana yang diperlukan oleh peruntukan Akta Letrik 1949 (Diulangkaji 1973) telah diserahkan kepada pemilik-pemilik tanah bagi mendapatkan tanah sebagai izinlalu untuk talian-talian penghantaran 132kV, 66kV dan 33kV yang melalui tanah sepanjang 193.221 batu di Johor, Pahang, Selangor, Perlis dan Kelantan.

Perbicaraan-perbicaraan telah diadakan oleh Pemungut-Pemungut Hasil Tanah di Johor, Pahang, Selangor, Perlis dan Kelantan untuk menyelesaikan bantahan-bantahan yang dibuat oleh pemilik-pemilik tanah yang berkenaan terhadap kemasukan Lembaga ke tanah mereka dan juga menilai pampasan selaras dengan Seksyen 58 Akta Letrik 1949. Tuntutan-tuntutan pemilik-pemilik tanah bagi pampasan di beberapa daerah masih belum diselesaikan. Lembaga bagaimanapun telah diberi kebenaran memasuki tanah-tanah Kerajaan Negeri dan tanah-tanah yang diberimilik untuk tujuan ini kecuali di mana bantahan-bantahan belum diselesaikan.

Sejumlah 295 tapak telah diperlukan untuk pembinaan pejabat-pejabat, rumah-rumah, stesen-stesen janaelektrik, pencawang-pencawang dan stesen-stesen suis.

Lembaga ingin menyatakan penghargaannya yang ikhlas kerana kerjasama dan bantuan yang diberi oleh Pemungut-Pemungut Hasil Tanah dalam mempercepatkan penglulusan untuk memasuki tanah-tanah Kerajaan Negeri dan menyelesaikan dengan baik beberapa bantahan yang dibuat oleh pemilik-pemilik tanah berhubung dengan kemasukan Lembaga ke atas tanah mereka.

Dakwaan-dakwaan

Kebanyakan dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh Pegawai Undang-Undang Lembaga kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Letrik 1949 adalah terutamanya mengenai kecurian tenaga elektrik dan apabila kes-kes ini dihadapkan ke mahkamah ianya telah dapat dithabitkan dengan jayanya. Adalah didapati bahawa di mana kecurian tenaga elektrik di laporan dan kemudiannya didakwa kejadian seperti itu telah banyak berkurangan.

Mulai bulan Jun 1976 Lembaga telah menguatkuasakan Seksyen 85 Akta Letrik 1949 iaitu pemotongan bekalan elektrik yang telah dijalankan secara besar-besaran. Ini ialah berikutan dari penyiasatan yang dijalankan di bawah "Ops Kilat" yang telah mencapai matlamatnya.

Pengurniaan

- (1) D'MM SPB Yang Dipertuan Agung telah mengurniakan dengan darjah-darjah kebesaran seperti berikut di dalam Senarai Pengurniaan Malaysia 1976:-
 - (a) Dato Abu Zarim bin Haji Omar, PJK, Timbalan Pengerusi merangkap Pengurus Besar telah dikurniakan Panglima Setia Mahkota (P.S.M.);
 - (b) Encik A. Ramanath, Timbalan Pengurus Besar (Perancang & Pembinaan) telah dikurniakan Johan Setia Mahkota (J.S.M.);
 - (c) Encik Abdul Aziz bin Haji Mohd. Ali, S.M.N., Ahli Lembaga telah dikurniakan Johan Mangku Negara (J.M.N.);
 - (d) Dr. Nik Hussein bin Abdul Rahman, Ahli Lembaga telah dikurniakan Kesatria Mangku Negara (K.M.N.).
- (2) D'MM Sultan Johor sempena hari keputeraan baginda telah mengurniakan darjah kebesaran seperti berikut pada 23hb Oktober 1976:-
 - (a) Tuan Haji Ismail bin Ahmad, P.I.S., Pekerja No. 391 Pengurus Kawasan (Selatan), LLN Melaka telah dikurniakan Darjah Kebesaran Dato Paduka Mahkota Johor (D.P.M.J.);
 - (b) Encik Nik Mohammed bin Nik Abdullah, P.J.K., Pekerja No. 7589, Pengurus Kawasan Kanan, LLN Muar telah dikurniakan Pingat Ibrahim Sultan Pangkat ke II (P.I.S.);
Tender-tender telah dipanggil untuk kontrak-kontrak perkakasuis V.T. dan pejabat tapakbina serta dokumen-dokumen tender yang dikeluarkan untuk pra-kelayakan firma-firma bagi kerja keluli binaan dan 'salutan' asas serta binaan-binaan kecil dan kontrak-kontrak kerja C.W. Marin. Tender-tender yang berkaitan dengan pam-pam serta alat tambahan dan loji pembersih air dijadual akan dikeluarkan pada awal tahun 1978.

Saiz tangki minyak bahanapi dan statistik sistem menghantar minyak bahanapi masih dikaji oleh perunding-perunding.

Stesen Janaelektrik Pelabuhan Kelang (2 x 300 MW);

Cadangan-cadangan daripada perunding-perunding adalah dalam penilaian dan pemilihan perunding bagi projek tersebut dijangka akan dibuat pada awal tahun 1978.


Kedua-dua unit 300 MW dirancang untuk pelancaran dalam tahun 1984.

Projek Tenaga Nuklear;

Kajian awal di tapakbina sedang giat dijalankan untuk cadangan projek tenaga nuklear yang pertama. Adalah dijangka bahawa unit yang pertama ialah 600 MW.

Bantuan teknikal dari International Atomic Energy Agency telah diminta untuk memilih tapakbina dan jenis reaktor.

Tiga unit 120 MW tiap-tiap satu akan dipasang apabila tambahan kepada Stesen Janaelektrik Prai siap kelak.



Pembangunan Hidro Elektrik

Temengor, Perak

Pada 1 Oktober 1976, Terowong Lencongan No. 2 telah ditutup dengan itu bermulalah penakungan kolamair. Pengisian kolamair ini terlewat dari jadual dan pada akhir bulan Ogos, 1977 paras air di kolamair tersebut ialah 683.6 kaki. Paras minimum untuk penjanaan Unit No. 2 ialah 726 kaki.

Empangan utama dan Empangan Pelana pada keseluruhannya telah disiapkan dalam tempoh ulangkaji ini, begitu juga dengan empisair keluli dan turapan empat terowong kuasa.

Kerja-kerja mengorek pelongsor alurlimpah, saluran masuk alurlimpah dan kawasan lapangansuis telah disiapkan dalam tempoh ini. Kerja kontrit untuk pemecah tenaga (flip bucket), alurlimpah, kepingan lantai kontrit untuk aliran (invert slab) dan tembok tepi berjalan dengan pesatnya. Semua kerja awam untuk lapangansuis telah disiapkan. Kerja-kerja senibina untuk bangunan stesen janaelektrik dan pejabat sedang giat dijalankan.

Kerja-kerja memperbaiki jalan di lebuh raya yang dilalui dan jambatan-jambatan telah disiapkan pada keseluruhannya. Satu kontrak khas telah dilaksanakan untuk memperkuat jambatan-jambatan di sepanjang jalan dari Butterworth ke Grik bagi membolehkan pengangkutan alatubah-alatubah berat.

Pembuatan loji elektrik dan mekanikal berjalan terus dalam tempoh ini dan kebanyakan loji dan perkakas sudah pun berada di tapakbina sekarang ini. Kerja mendirikan 4 unit tarbin dan janakuasa di tapakbina sedang giat dijalankan begitu juga dengan pemasangan Unit No. 2. Kesemua empat buah alatubah telah dihantar dengan kapal untuk diterima di Pelabuhan Butterworth. Kerja mendirikan perkakasuis V.T. telah hampir siap dan sedia untuk dilancarkan. Penghantaran alat tambahan stesen janaelektrik ke tapakbina sedang berjalan dan kerja mendirikannya akan dimulakan tidak berapa lama lagi. Pemasangan 'Head Gates' dan 'Trash Racks' hampir siap dijalankan. Kerja-kerja gantiudara dan penyamanan udara serta lampu-lampu sedang berjalan dengan lancar.

Pembinaan rumah kakitangan tetap serta kemudahan-kemudahan yang berkaitan untuk kakitangan kendalian sedang dijalankan dengan lancarnya.

Kerja-kerja bagi memajukan kawasan penempatan pertanian Air Ganda telah terjejas oleh kemarau. Penanaman getah dan pokok buah-buahan telah tergendala. Semua kerja penanaman di harap akan dapat disiapkan sebelum akhir musim tengkujuh tahun 1977.

Kenyir, Trengganu

Kajian punca-punca kuasa hidro di Sungai Trengganu telah selesai dengan siapnya Laporan Kajian Kemungkinan yang muktamad dalam bulan Oktober 1976. Laporan ini mendapati adalah menggalakkan dari segi ekonomi, untuk memajukan punca air sama ada dengan Projek Kenyir yang mengandungi sebuah kolamair atau dengan mempunyai tiga buah empangan atau lebih dengan beberapa buah kolamair pada peringkat ketinggian yang berlainan. Dari segi penjanaan tenaga dan tebatan banjir projek Kenyir adalah dianggap sebagai pembangunan yang harus diberi keutamaan.

Dalam bulan November 1976 satu keputusan telah diambil untuk meneruskan projek Kenyir ini dan rundingan-rundingan telah dimulakan untuk mendapatkan bantuan dari Rancangan Colombo Australia bagi membiayai bahagian kejuruteraan projek tersebut. Rundingan-rundingan ini telah berjaya mencapai keputusan pada awal tahun 1977, dan ini membawa kepada perlantikan Snowy Mountains Engineering Corporation dari Australia sebagai perunding kejuruteraan bagi projek tersebut.

Siasatan lanjut di tapakbina projek telah dimulakan dalam bulan Mei, 1977 dan di waktu yang sama rekabentuk kejuruteraan telah mula dijalankan di pejabat perunding projek di Cooma, Australia. Dalam bulan Julai 1977 rancangan telah disusun untuk meminjamkan 10 orang kakitangan ikhtisas dan separa ikhtisas untuk bertugas dengan perunding projek di Australia dengan tujuan mencapai pemindahan teknologi yang penting.

Kenyir, Trengganu (samb.)

Dari segi perlaksanaan projek, tender-tender untuk membina jalan masuk ke tapakbina empangan Kenyir telah dikeluarkan dalam bulan Jun dan pemberian kontrak telah dibuat dalam bulan Ogos, 1977. Dalam bulan Julai 1977, pra-kelayakan penender-penender untuk kontrak terowong lencongan telah dijalankan dan adalah dijangka bahawa dokumen-dokumen tender boleh dikeluarkan dalam bulan November 1977. Menjelang akhir tempoh penyemakan ini, rancangan-rancangan telah dirumuskan ke arah melaksanakan beberapa kontrak lain termasuk membersihkan hutan, membina rumah dan jalan-jalan masuk tambahan.

Projek Hidro-elektrik Sungai Kenyir, Trengganu dari pandangan seorang pelukis.



Tembeling, Pahang

Dengan penangguhan sementara projek ini, hanya kajian biasa hidrologi dapat dijalankan.

Projek Hidro Masa Depan

Di Kelantan, kajian semula Projek Hidro-elektrik Pergau masih belum dapat disiapkan sebagaimana yang dijangka, dan sekarang ini dijadualkan siap pada awal tahun 1978. Tidak ada kemajuan dibuat berhubung dengan projek-projek Nenggiri dan Lebir oleh kerana penyiapan laporan mengenai Kajian Lembah Sungai Kelantan masih ditunggu.

Di Trengganu, bantuan Rancangan Colombo Australia telah diperolehi untuk menjalankan kajian kemungkinan pembangunan tenaga hidro di Ulu Trengganu. Walau bagaimanapun siasatan di tapakbina masih belum dimulakan dan ia dijadualkan berjalan semula pada penggal kedua tahun 1978.

**Bersia & Kenering,
Perak**

Berikutan selesainya kajian sebelum pe-
laburan oleh Perunding, satu laporan muk-
tamad telah diserahkan kepada Lembaga.
Laporan ini mengesahkan dayamaju eko-
nomi dan kemungkinan teknikal kedua-dua
projek itu di Sungai Perak dengan keupaya-
an terpasang masing-masing 72 MW dan
120 MW.


Projek Bersia yang akan ditempatkan
kira-kira 12½ batu di hilir Temengor meng-
andungi sebuah empangan graviti konkrit
dan sebuah stesen janaelektrik dengan pe-
pasangan tiga-unit. Satu alurlimpah dengan
tiga pintu salur akan ditempatkan di tengah
sungai. Projek ini akan mewujudkan te-
kanan air setinggi 88 kaki dan akan menjana
purata 238 juta kwj setahun.

Projek Kenering yang akan ditempat-
kan kira-kira 42 batu di hilir Sungai Temen-
gor mengandungi satu empangan graviti
konkrit dengan benteng-benteng tanah
tambun ditemboklandas dan sebuah stesen
janaelektrik dengan pemasangan tiga-unit.
Bahagian alurlimpah akan mengandungi
enam pintu salur. Jumlah tinggi tekanan air
yang akan wujud ialah kira-kira 116 kaki dan
stesen ini akan menjana purata 456 juta kwj
setahun.



PELAN PUNCA

KENERING
PELAN-SUSUNAN AM




Bersia & Kenering, Perak (samb.)

Rundingan-rundingan bagi Perkhidmatan Perundingan yang akan diadakan untuk kedua-dua projek ini telah diselesaikan dengan Tetuan Shawinigan Engineering of Montreal, Canada lewat pertengahan kedua tahun 1976 dan ini disusuli dengan pematerian perjanjian dalam bulan November 1976. Kos luar negeri bagi perkhidmatan perundingan akan dibiayai oleh Agensi Pembangunan Antarabangsa Canada (Canadian International Development Agency (CIDA)).

Berikutan dengan kajian laporan sebelum pelaburan, Lembaga bersetuju untuk meneruskan kerja kejuruteraan sahaja bagi projek-projek ini sementara Perunding telah diberi kuasa untuk memulakan kerja dalam bulan Ogos, 1977.

BERSIA
PELAN-SUSUNAN AM



Perlibatan Perindustrian Lembaga

Usahasama Membuat Kabel Aluminium Bersalut Timah Bertebat Kertas (ABTBK)

Ini merupakan tahun ketiga projek usahasama ini berjalan dibawah nama Federal Power and Telecoms Sdn. Bhd. Malaysia. Pengeluarannya telah meningkat kerana masalah-masalah permulaan perjalanan kilang tersebut telah dapat diatasi, demikian juga operator-operator mesin dan penyelia-penyelia telah mempunyai kemahiran yang cukup dalam mengendalikan mesin-mesin mereka. Dengan bertambahnya pengeluaran, keupayaan syarikat ini telah meningkat dan kini sedang mencapai takat yang membawa keuntungan. Sepanjang tahun ini, kilang ini telah mengeluarkan kabel (ABTBK) sejumlah 811 dram 185 mm persegi bersamaan dengan 206.27km. Setelah mendapatkan kelulusan kerajaan untuk mengeluarkan pengalir aluminium tidak bersalut jenis tarikan keras (hard drawn bare aluminium conductor) sebagai hasil keluaran yang bukan bertaraf perintis, syarikat ini telah memulakan pengeluaran bahan ini mulai bulan Julai 1976. Sejumlah 985 dram bersamaan dengan 987.37km pengalir jenis 7/4.39 mm aluminium tidak bersalut jenis tarikan keras (hard drawn bare aluminium conductor) telah dihasilkan. Pengeluaran ini boleh dilakukan dengan menggunakan mesin-mesin penarik wayar dan pemulas wayar yang sedia ada di kilang tersebut.

Pencapaian bagi tahun ini adalah menggalakkan baik dari pengeluaran mahupun kewangan. Mesyuarat Agung Tahunan Ketiga syarikat ini telah diadakan di pejabatnya yang didaftarkan, di Jalan Utas, Shah Alam pada 28 Mac 1977.

Usahasama Dalam Pembuatan Alatubah Pengagihan

Projek usahasama bagi membuat alatubah-alatubah pengagihan dan perkakasuis pembekal pencawang voltan sederhana telah mencapai kemajuan yang cemerlang tahun ini. Perjanjian Usahasama dan Perkhidmatan Teknik bersama-sama dengan permohonan bagi mendapatkan taraf perintis dan Lesen Perkilangan yang telah dikemukakan kepada kerajaan telah pun diluluskan dan Lesen Perkilangan telah dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada 30 Oktober 1976.

Berikutan dengan pengeluaran Lesen Perkilangan tersebut, Sijil Penubuhan syarikat baru ini di bawah nama Malaysia Transformer Manufacturing Sdn. Bhd. telah dikeluarkan dalam bulan Januari 1977. Sebuah Lembaga Pengarah telah ditubuhkan dengan anggota pengarahnya dilantik oleh pihak-pihak berkenaan yang terlibat dalam perkongsian usahasama ini. Mesyuarat pertama Lembaga ini telah diadakan dalam bulan Februari 1977 untuk membincangkan program pelaksanaan. Tetuan Bonar Long & Co. Ltd. rakan luar utama dalam usahasama ini telah menyediakan rekabentuk asas untuk kilang yang dicadangkan, sementara LLN bersama-sama dengan rakan-rakan luar iaitu Tetuan Bonar Long & Co. Ltd. dan Richard Hua & Co. dari Hong Kong menjalankan siasatan yang aktif memilih tapakbina-tapakbina yang sesuai bagi menempatkan kilang ini kerana tapakbina asal yang ditawarkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Pelabuhan Kelang dianggap tidak sesuai disebabkan keadaan tanah dan lain-lain perkara lagi. Satu tapakbina yang baru seluas kira-kira 10 ekar di Kawasan Perusahaan Ampang/Ulu Kelang telah dipilih dan permohonan untuk mendapatkan tapakbina ini telah diluluskan oleh pihak PKNS.


Syarikat ini telah mengambil perkhidmatan sebuah syarikat Perunding Kejuruteraan Awam untuk menguruskan rekabentuk dan penyeliaan pembinaan kilang tersebut. Perbincangan awal antara pegawai-pegawai LLN dengan wakil-wakil Bonar Long serta syarikat perunding telah diadakan untuk menyelesaikan plan bangunan, lukisan senibina dan dokumen-dokumen tender.

Plan-plan bangunan dan lukisan yang muktamad adalah dijangka akan diserahkan kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan secepat mungkin untuk diluluskan dan tender-tender untuk pembinaan bangunan dijangka akan dipanggil tidak berapa lama lagi.

Usahasama Dalam Pengeluaran Jangka

Dalam tahun ini penilaian telah dibuat mengenai cadangan-cadangan projek yang diterima dari tujuh buah syarikat pembuat jangka yang bertaraf antarabangsa dan setelah ditapis, tiga syarikat pembuat jangka telah dipilih untuk dipertimbangkan selanjutnya. Ketiga-tiga syarikat tersebut telah mengemukakan cadangan-cadangan yang disemak semula berikutan dari perbincangan-perbincangan lanjut dengan Lembaga dan pemilihan rakan usahasama bagi projek ini dijangka akan dapat dibuat sedikit masa lagi. Sementara itu, permohonan telah dikemukakan kepada PKNS untuk mendapatkan sebidang tanah yang sesuai di kawasan perusahaan Ampang/Ulu Kelang bagi kilang yang dicadangkan dan permohonan tersebut telahpun diluluskan.

Proses menyediakan kabel.



Kabel dimasukkan ke dalam dram untuk diserahkan kepada LLN.



Penghantaran dan Pengagihan.

Pada tahun ini, kehendak maksimum sistem telah mencapai 975.09MW pada 11 Ogos 1977. Ini adalah merupakan tambahan sebanyak 131.32MW atau 15.56% daripada kehendak maksimum tahun sebelumnya iaitu sebanyak 843.77MW. Eksport kepada Perak Hydro telah bertambah dari 100MW kepada 120MW.

Lembaga telah membina sejumlah 102KM talian penghantaran 132kV litar satu ACSR 150mm persegi mengandungi 50.5KM dari Alor Setar ke Bukit Keteri, 26KM dari Kuantan ke Tanjong Gelang, 2.5KM dari Tanjong Gelang ke Semambu dan 23KM dari Kulai ke Johor Tenggara. Talian penghantaran 132kV litar dua ACSR 300mm persegi yang dicabangkan dari talian Rawang/Woh ke Batang Berjantai sepanjang 15.5KM telah juga disiapkan.

Bekalan pukal telah disempurnakan ke Kuantan, Pekan, Telok Anson dan Bukit Keteri dengan pelancaran pencawang 132/11kV masing-masing 2 x 30 MVA, 2 x 15 MVA, 1 x 15 MVA dan 2 x 15 MVA.

Kerja membina talian litar satu dari Kampung Awah ke Tiga Segi Jengka dan Jerantut dan talian litar satu yang kedua dari Mentakab ke Kuantan, Pekan dan Tanjong Gelang sedang berjalan dengan memuaskan. Talian penghantaran 275KV kembar litar dua ACSR 300mm persegi sepanjang 62KM dari Melaka ke Port Dickson telah mengalirkan kuasa dalam tahun ini, sementara talian yang sama sepanjang 150KM dari Temengor ke Papan hampir siap dibina. Kerja pembinaan di bawah kontrak Melaka-Muar-Yong Peng-Kluang-Scudai dan juga kontrak Scudai-Majidee-Kota Tinggi dan Batu Pahat-Yong Peng sedang berjalan dengan memuaskan.

Pencawang-Pencawang Yang Dilancarkan dan Ditambah Beban

1. Bukit Raja	132/11KV	2 x 30 MVA
2. Kuantan	132/11KV	2 x 30 MVA
3. Pekan	132/11KV	2 x 15 MVA
4. Teluk Anson	132/11KV	1 x 15 MVA
5. Bukit Keteri	132/33KV	2 x 15 MVA
6. Tampoi No. 1	22/6.6KV	2 x 7.5 MVA
7. Kluang	66/11KV	10 MVA ke-3
8. Pasir Gudang	66/22KV	2 x 15 MVA
9. Bukit Bintang	33/11KV	2 x 15 MVA
10. SEA Park	66/33KV	2 x 30 MVA
" "	66/33KV	2 x 18 MVA
" "	33/11KV	2 x 15 MVA
11. Alcan	33/11KV	2 x 15 MVA
12. City Hall	33/11KV	2 x 15 MVA
13. Rodger Street	33/11KV	15 MVA ke-3
14. Tikam Batu	33/11KV	2 x 5 MVA
15. Ulu Kelang	33/11KV	2 x 15 MVA

Kejayaan Penting Projek Penghantaran dan Pengagihan

1. Sepanjang 6.1KM kabel berisi minyak 132KV 90MVA telah ditanam antara Bukit Raja dengan Pencawang Kawasan Perindustrian Pelabuhan Kelang.
2. Sepanjang 12KM kabel berisi minyak 33KV 30MVA telah ditanam di daerah Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.
3. Satu talian pengalir Silmalec 33KV 0.15 inci persegi sepanjang 23KM telah dibina dari Stesen Janaelektrik Lemal ke Tanah Merah, Kelantan.
4. Satu talian pengalir Silmalec 33KV 0.15 inci persegi telah dibina antara Bumbong Lima dengan Tikam Batu, Kedah.

Projek-Projek Utama yang dirancang

Untuk memenuhi kehendak masa depan yang dirancangkan, rancangan-rancangan untuk memperteguhkan rangkaian penghantaran telah disiapkan untuk membina talian dan menanam kabel seperti berikut:-

- (a) Talian D.C. 275KV dupleks 300mm persegi dari Kuala Lumpur (Utara) ke Kg. Awah.
- (b) Talian D.C. 275KV dupleks 400mm persegi dari Chenderiang ke Rawang, Selangor.
- (c) Talian D.C. 275KV 400mm persegi dari Perai ke Temengor.
- (d) Talian D.C. 275KV dupleks 300mm persegi dari Temengor ke Tanah Merah, Kelantan.
- (e) Talian D.C. litar satu 132KV dupleks 300mm persegi dari Kuala Lumpur (Utara) ke Stesen Janaelektrik Jambatan Connaught, Kelang.
- (f) Kabel bawah air 132KV 9KM 2 x 100MVA dan kabel darat 3.3KM 2 x 100MVA antara Perai dan Pulau Pinang.

Sejajar dengan peneguhan talian penghantaran itu, rancangan-rancangan juga telah dirangka untuk memperbesar/menambah keupayaan pencawang-pencawang yang sedia ada dan/atau mengadakan pencawang-pencawang utama tambahan di kawasan-kawasan berikut:-

(a) Kawasan Utara

Perai	—	Tambahan 132/33KV 45MVA ke-4
Tikam Batu	—	Baru 132/33KV 2 x 30MVA
Pulau Pinang	—	Baru 132/33KV 2 x 90MVA
Simpang Empat	—	Baru 132/11KV 2 x 15MVA
Temoh	—	Baru 132/66KV 2 x 75MVA

(b) Kawasan Selatan

Senawang	—	Tambahan 132/11KV 2 x 7.5MVA
----------	---	------------------------------

(b) Kawasan Selatan (samb.)

Melaka	— Baru	132/66KV	2 x 30MVA
	— Baru	275/132KV	2 x 180MVA
Ayer Keroh	— Tambahan	132/11KV	2 x 15MVA
Semabok	— Baru	132/11KV	2 x 30MVA
Muar	— Baru	132/11KV	2 x 15MVA
Yong Peng	— Baru	132/11KV	2 x 7.5MVA
Batu Pahat	— Tambahan	132/11KV	2 x 15MVA
Kluang	— Tambahan	132/66KV	2 x 75MVA
Johor Bahru (Stulang Darat)	— Baru	66/22KV	2 x 45MVA
Johor Tengah	— Baru	132/11KV	2 x 15MVA
Scudai	— Tambahan	132/66KV	2 x 90MVA
Kota Tinggi	— Baru	132/11KV	2 x 15MVA

(c) Kawasan Timur

Kg. Awah	— Baru	132/11KV	2 x 7.5MVA
	— Baru	275/132KV	2 x 180MVA
Jengka	— Baru	132/11KV	2 x 15MVA
Jerantut	— Baru	132/11KV	2 x 7.5MVA


(d) Kawasan Tengah

SJJC Kelang	— Tambahan	132/66KV	2 x 90MVA
Shah Alam	— Baru	132/11KV	2 x 30MVA
Lapangan Terbang Subang	— Baru	66/11KV	2 x 15MVA
SEA Park	— Tambahan	132/66KV	1 x 90MVA
Ampang	— Baru	132/33/11KV	2 x 45MVA


Pemutus Litar 132KV di Bukit Rajah, Kelang.




Pencawang pemasukan utama, Papan, Perak.



Rancangan Pembangunan



an



Bekalan Elektrik Luar Bandar

Peruntukan bagi rancangan bekalan elektrik luar bandar untuk tahun 1976/77 ialah \$56.27 juta. Ini ialah untuk pelaksanaan 515 projek meliputi kira-kira 798 buah kampung dan memberi faedah kepada sejumlah 61,200 orang pengguna.

Projek-projek ini dibiayai bersama atas dasar 2/3 dan 1/3 kos asas kasar masing-masing oleh Kerajaan Persekutuan dan LLN. Sumbangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun ini ialah \$37.51 juta, sementara LLN menyumbangkan sebanyak \$18.76 juta.

Sepanjang tahun dalam kajian, kekurangan tiang-tiang kayu bertambah merosot dan mengakibatkan hanya kira-kira 43% dari 296 projek dalam RMII yang ditunggakkan ke tahun 1976/77; 19% dari projek tahun 1976; dan kurang daripada 1% dari projek 1977; telah disiapkan. Pada masa yang sama kekurangan bahan-bahan keperluan seperti rod umbang, pendakap—D, bebusar dan didal (bow and thimble) dll serta masalah-masalah biasa untuk mendapatkan tanah bagi pencawang-pencawang dan tapakbina stesen luar bandar, izinlalu untuk sesalur atas voltan rendah masih lagi dialami.


Kebanyakan projek bekalan elektrik luar bandar adalah tambahan kepada sistem-sistem pengagihan V.T. dan V.R. yang sedia ada. Bagaimanapun sebagai tambahan stesen-stesen luar juga dibina untuk mengadakan bekalan 12 jam ke tempat-tempat terpencil.

Setakat 31 Ogos 1977, 120 stesen luar bandar telah dikendalikan dan 17 adalah dalam berbagai peringkat pembinaan. Dalam tempoh tahun kajian ini sebuah stesen luar bandar telah ditutup.

Pada bulan Januari 1977, Lembaga telah membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa khas bagi Rancangan Bekalan Elektrik Luar Bandar yang bertujuan untuk mengkali masalah-masalah yang menyebabkan kelambatan dalam pelaksanaan projek-projek rancangan bekalan elektrik luar bandar serta mengesyorkan langkah-langkah yang harus diambil untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan. Jawatankuasa ini mengandungi dua orang ahli daripada Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-Kemudahan Awam, dua orang ahli Lembaga dan dua orang pegawai Lembaga. Jawatankuasa ini membentangkan laporan dalam bulan Mei 1977 dan kebanyakan daripada syor-syor tersebut telah dilaksanakan.

Dengan cadangan pihak IBRD, Lembaga telah melancarkan kajian terhadap Rancangan Bekalan Elektrik Luar Bandar di Semenanjung Malaysia. Kos yang dijangkakan ialah kira-kira M\$1.4 juta

KEMAJUAN BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR



dan kos luar kira-kira US\$263,000 dibiayai oleh pinjaman dari IBRD. Perunding bersama untuk kajian ini ialah Middle West Service Co. dari Amerika Syarikat dan Perunding Bersatu Sdn. Bhd. dari Malaysia. Kajian ini akan menentukan masalah-masalah bekalan tenaga ke semua kawasan luar bandar di Semenanjung serta akan memberi syor-syor berhubung dengan kemajuan yang pesat rancangan bekalan elektrik luar bandar.

Atas: Sebuah projek Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Bawah: Talian elektrik voltan rendah dipasang di salah sebuah projek Elektrik Luar Bandar.



Jualan Tenaga

Pengguna Kediaman

Bagi tahun yang dikaji ini, jualan tenaga kepada pengguna-pengguna kediaman telah meningkat dari 580.0 juta unit kepada 702.4 juta unit, iaitu merupakan tambahan sebanyak 21.1%. Hasil dari jualan telah bertambah dari \$82.6 juta kepada \$97.7 juta, iaitu tambahan sebanyak 18.3% melebihi tahun sebelumnya. Harga purata seunit yang dijual telah jatuh dari 14.25 sen kepada 13.91 sen atau kejatuhan sebanyak 2.4%.

Kenaikan jualan paling tinggi kepada pengguna kediaman ialah di Pulau Pinang (27.8 juta unit), Kuala Lumpur (22.3 juta unit), Petaling Jaya (10.2 juta unit), Butterworth (7.2 juta unit), Johor Bahru (6.3 juta unit) dan Kelang/Pelabuhan Kelang (6.0 juta unit).

Atas: Sebuah projek perumahan di Taman Ipoh, Ipoh.

Bawah: Sebuah projek di Johor Bahru.



Pengguna Perdagangan

Jualan kepada pengguna-pengguna perdagangan ialah 1,413.5 juta unit berbanding dengan 1,212.8 juta tahun lalu iaitu merupakan kenaikan sebanyak 200.7 juta unit atau 16.5%. Hasil dari jualan sebanyak \$188.3 juta ialah \$26.5 juta atau 16.5% lebih dari tahun lalu. Harga purata seunit yang dijual telah jatuh dari 13.33 sen kepada 13.32 sen atau kejatuhan sebanyak 0.1%.

Tambahan terbesar dalam jualan kepada pengguna-pengguna perdagangan ialah di Kuala Lumpur (63.3 juta unit), Pulau Pinang (32.2 juta unit), Butterworth (13.8 juta unit), Johor Bahru (11.9 juta unit), Kelang/Pelabuhan Kelang (10.6 juta unit), Petaling Jaya (9.8 juta unit) dan Seremban (7.9 juta unit).

Atas: Bangunan pejabat baru Kerajaan di Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Bawah: Hotel Beach, Kuantan, Pahang.





*Arab-Malaysian Development
Bank Berhad, Kuala Lumpur. [tengah]*



Bangunan Kerajaan, Alor Setar.

Pengguna Perindustrian

Jualan kepada pengguna-pengguna perindustrian telah meningkat dari 2,640.6 juta unit kepada 3,065.3 juta unit iaitu merupakan tambahan sebanyak 424.7 juta unit atau 16.1% melebihi tahun lalu. Hasil dari jualan telah bertambah dari \$227.3 juta tahun lalu kepada \$263.1 juta tahun ini iaitu tambahan yang melebihi tahun sebelumnya sebanyak \$35.8 juta atau 15.8%. Harga purata seunit telah jatuh dari 8.61 sen kepada 8.58 sen atau kejatuhan sebanyak 0.4%.

Dalam perusahaan perlombongan, jualan kepada kapal-kapal korek menunjukkan tambahan sebanyak 15.2 juta unit atau 7.5% melebihi tahun sebelumnya iaitu dari 201.4 juta unit kepada 216.6 juta unit, sementara jualan kepada lombong dedah menunjukkan kejatuhan sebanyak 2.1 juta unit atau 2.2% melebihi tahun sebelumnya iaitu dari 94.9 juta unit kepada 92.8 juta unit.

Pengguna Perindustrian (samb.)



Jualan kepada lain-lain pengguna perusahaan telah meningkat sebanyak 211.1 juta unit atau 12% dari 1,758.1 juta unit kepada 1,969.2 juta unit sementara jualan kepada Perak River Hydro Electric Power Company Limited bertambah sebanyak 34.2% dari 586.1 juta unit tahun lalu kepada 786.7 juta unit tahun ini.

Atas kiri: Kilang Memasang Motokar, di Shah Alam, Selangor.


Atas kanan: Kawasan Perusahaan Shah Alam, Selangor.

Bawah kiri: Kilang bola golf, di kawasan Perusahaan Senawang, Negeri Sembilan.


Bawah kanan: Kilang Padi, LPN, di Kepala Parit, Kedah.




UNIT DIJUAL BAGI SETIAP PENGGUNA




UNIT DIJUAL BAGI SETIAP PEKERJA



ANGKA-TUNJUK HITUNG PANJANG HARGA UNIT DIJUAL DIBANDINGKAN DENGAN ANGKA-TUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA



UNIT-UNIT DIJUAL KEPADA BERBAGAI SEKTOR SEBAGAI % DARIPADA JUMLAH UNIT DIJUAL



Tarif

Susun rangka tarif Lembaga telah tidak diulangkaji sejak tahun 1958. Dengan kenaikan kos yang tinggi bagi bahan-bahan, alat-alat dan perkhidmatan tempatan serta yang diimport pada tahun-tahun yang lalu dan kenaikan yang tinggi harga bahan-bahan sejak tahun 1973/74 dan juga kenaikan gaji dan upah berikutan dengan pelaksanaan Laporan-Laporan Harun dan Jawatankuasa Kabinet, Lembaga dapati amat sukar untuk mengekalkan hasil pulangan yang mencukupi ke atas harta-harta yang dipunyai dan juga untuk membiayai sebahagian dari program pembangunan modal yang besar untuk sepuluh tahun yang akan datang. Oleh itu Lembaga sedang mempertimbangkan satu ulangkaji susun rangka tarif supaya tarif-tarifnya akan dapat menggambarkan serta menunjukkan hubungan rapat terhadap kos bekalan kepada kumpulan-kumpulan utama pengguna.

Tahun Berakhir 31hb. Ogos


PELAKSANAAN KAWASAN-KAWASAN**PETUNJUK**

- BILANGAN PENGGUNA-PENGGUNA
- UNIT DIJUAL
- HASIL
- KEUPAYAAN ALATUBAH
- PANJANGNYA SESALUR VOL/TINGGI
- PANJANGNYA SESALUR VOL/RENDAH




KAWASAN TIMUR

Daerah-Daerah
Kota Baru & Daerah
Kuala Trengganu
Kuantan
Raub




KAWASAN SELATAN

Daerah-Daerah
Batu Pahat
Johore Baru & Daerah
Keluang
Melaka & Daerah
Muar
Seremban & Daerah




KAWASAN TENGAH

Daerah-Daerah
Kelang
Kuala Lumpur
Kajang
Petaling Jaya



KAWASAN UTARA

Daerah-Daerah
Alor Setar
Butterworth & Daerah
Ipoh & Daerah
P. Pinang
Taiping
Teluk Anson




Pentadbiran Am

Kakitangan

Bilangan kakitangan yang berkhidmat dengan Lembaga setakat 31 Ogos 1977 ialah 13,757.

PERKEMBANGAN DAYA TENAGA DAN KATEGORI



Kebajikan

Pada 31 Ogos 1977 bilangan kakitangan yang dimasukkan ke perjawatan berpencen ialah 3,901 orang, iaitu bertambah 537 orang atau 16.0% dari tahun lepas. Antara mereka, seramai 273 orang kakitangan yang telah berkhidmat selama 25, 30 dan 35 tahun setakat 31 Ogos 1974 telah menerima hadiah-hadiah perkhidmatan setia daripada Lembaga.

Sejak dimulakan dalam tahun 1958, Skim Memiliki Rumah Dengan Bantuan Lembaga telah memberi pinjaman berjumlah \$32,005,872.85 kepada seramai 1,491 orang kakitangan.

Kumpulan Wang Khairat Kematian Kilat yang mengadakan bantuan segera berupa wang tunai kepada balu atau penerima faedah yang dinamakan oleh ahli mempunyai seramai 6,983 orang ahli, iaitu tambahan seramai 478 orang atau 7.3% dari tahun lalu.



Hadiah-hadiah Perkhidmatan Setia

Setakat yang mungkin Lembaga cuba mendapatkan doktor swasta untuk memberi rawatan perubatan kepada kakitangannya. Bilangan doktor perubatan swasta yang dilantik oleh Lembaga untuk memberi rawatan di berbagai daerah ialah 45 orang pada penghujung tempoh kajian laporan ini.

Lembaga mempunyai 9 buah banglo peranginan bagi pegawai-pegawai kanan dan 8 buah untuk pegawai-pegawai rendah. Purata penginapan di banglo-banglo ini dalam tahun yang dikaji ialah 69% bagi pegawai-pegawai kanan, dan 80% bagi pegawai-pegawai rendah.

Rombongan sukan dan kebudayaan Lembaga telah membuat lawatan ke Negeri Thai dari 1 hingga 8 Februari 1977 atas jemputan Gabungan Pihak Berkuasa Elektrik Negeri Thai (CEAT) untuk menyertai beberapa acara sukan dan kebudayaan.

Kejohanan Olahraga Tahunan Persekutuan telah diadakan di Padang Sukan Pantai, Kuala Lumpur pada 24 dan 25 Jun 1977. Kawasan Selatan telah muncul sebagai Johan Kawasan. Lembaga Letrik Negara telah mengambil bahagian dalam hampir semua permainan sukan yang dianjurkan oleh Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia dan telah muncul sebagai Johan dalam permainan Kriket, Golf, Hoki dan Badminton. LLN telah diberi penghormatan mengelolakan Kejohanan Hoki MKSAK yang telah diadakan di Padang Sukan Pantai dan Padang Angkatan Tentera dari 10 hingga 13 Ogos 1977. Pasukan Lembaga telah muncul sebagai Johan buat kali yang kelapan dalam siri pertandingan ini.

Jumlah bilangan kelab Kilat Lembaga telah bertambah menjadi 33 buah dalam tempoh kajian ini dengan tertubuhnya dua buah kelab baru di Kangar dan di Pulau Pinang.

Tanah yang dipindahmilik dan diletakhak kepada Lembaga

Lembaga telahpun membuat permohonan hakmilik kekal bagi 206 keping tanah yang dipindahmilik dan diletakhak kepada Lembaga dan setakat ini sebanyak 33 hakmilik telahpun diterima daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Keperluan Tanah

Dalam tempoh kajian laporan ini, notis-notis sebagaimana yang diperlukan dalam peruntukan Akta Letrik 1949 (disemak 1973), telah diserahkan kepada pemilik-pemilik tanah untuk mendapatkan tanah izinlalu bagi cadangan talian-talian penghantaran 132KV, 66KV, 33KV dan 11KV yang melalui negeri-negeri Johor, Pahang, Pulau Pinang, Kelantan dan Selangor, sepanjang lebih dari 112.707 batu.

Sejumlah 407 tapakbina diperlukan untuk tujuan pembinaan bangunan pejabat, rumah kakitangan, stesen janaelektrik, pencawang dan stesen penyuisan.

Lembaga ingin menyampaikan penghargaan yang ikhlas kerana kerjasama dan bantuan yang diberikan oleh Pemungut-Pemungut Hasil Tanah dalam menyegerakan kelulusan untuk memasuki tanah kerajaan dan dalam menyelesaikan dengan baiknya beberapa bantahan yang dikemukakan oleh pemilik-pemilik tanah berhubung dengan kemasukan Lembaga ke atas tanah-tanah mereka.

Darjah Kebesaran

(1) DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dalam Senarai Kehormatan Malaysia 1977 telah menganugerahkan darjah-darjah dan pingat-pingat berikut:-

- (a) Panglima Mangku Negara (PMN)
YB Datuk Haji Abdullah bin Mohd. Salleh, DMSM., KMN., Pengerusi Lembaga.
- (b) Johan Mangku Negara (JMN)
Encik Mohd. Zain bin Haji Abdul Majid, Ahli Lembaga.
- (c) Johan Setia Mahkota (JSM)
 - (i) Encik Mohd. Hussaini bin Abdul Jamil, Ahli Pengganti Lembaga.
 - (ii) YM Tengku Daud bin Tengku Besar Burhanuddin, PPT., PJK., Timbalan Pengerus Besar (Pentadbiran)
 - (iii) Encik Megat Nordin bin Megat Yunus, Setiausaha Lembaga.
- (d) Ahli Mangku Negara (AMN)
Encik Ho Seng Kee, Pekerja No. 21025, Juruteknik Tingkatan Biasa, LLN, Pulau Pinang.
- (e) Pingat Pangkuan Negara (PPN)
Encik Ramli bin Abdul Jamid, Pekerja No. 6635, Juruteknik Tingkatan Biasa, LLN, Johor Bahru.

2. DYMM Sultan Perak sempena hari keputeraan baginda pada 15 September 1976 telah menganugerahkan Pingat Darjah Paduka Cura Simanja Kini (PCM) kepada Encik Mohd. Jumah bin Mat Satir JP, Ahli Lembaga.

3. DYMM Sultan Pahang sempena hari keputeraan baginda pada 24 Oktober 1976 telah menganugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada Encik Wan Johan bin Abdullah, Pekerja No. 9338, Jurutrengkas Tingkatan Biasa, pejabat Pengurus Kawasan (Timur), LLN, Kuantan.

4. DYMM Sultan Kedah sempena hari keputeraan baginda pada 19 Januari 1977 telah menganugerahkan Pingat Perkhidmatan Cemerlang Negeri Kedah (PCK) kepada Encik Bahaman bin Mahadi, Pekerja No. 4393, Juruteknik Rendah Tingkatan Khas, LLN, Alor Setar.

5. DYMM Al-Sultan Kelantan sempena hari keputeraan baginda pada 10 Julai 1977 telah menganugerahkan Pingat Bakti (PB) kepada Encik T.S. Arumugam Pekerja No. 10189, Juruwang LLN, Kota Bharu.

6. TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang sempena hari jadi beliau pada 16 Julai 1977 telah menyampaikan pingat-pingat kehormatan berikut:

Pingat Jasa Masyarakat (PJM)

- (i) Encik Chan Peng Wai, Pekerja No. 20952, Juruteknik Tingkatan Biasa, LLN, Pulau Pinang.
- (ii) Encik Cheah Cheng Keng, Pekerja No. 6773, Pembaik Radas Tingkatan Biasa, LLN, Pulau Pinang.

7. TYT Yang Dipertua Negeri Melaka sempena ulangtahun hari jadi beliau pada 8 Jun 1977 telah menyampaikan pingat-pingat kehormatan berikut:-


(a) Pingat Bakti Masyarakat (PBM)

- (i) Encik Ali bin Mohd. Rustam, Pekerja No. 9320, Kerani Tingkatan Biasa, L.L.N., Melaka.
- (ii) Encik Hussain bin Mohamed, Pekerja No. 10564 Tukang Kayu, Tingkatan Khas, LLN, Melaka.

(b) Pingat Khidmat Lama (PKL)

- (i) Encik Teng Tian Kim, Pekerja No. 1213, Kerani Tingkatan Biasa, LLN, Melaka.
- (ii) Encik Ismail bin Hamid, Pekerja No. 4704, Juruteknik Rendah Tingkatan Biasa, LLN, Melaka.

DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung menganugerahkan Johan Setia Mahkota [JSM] kepada YM Tengku Daud bin Tengku Besar Burhanuddin, PPT, PJK, Timbalan Pengurus Besar [Pentadbiran].



DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung menganugerahkan Johan Setia Mahkota [JSM] kepada Encik Megat Nordin bin Megat Yunus, [Setiausaha].



Dakwaan

Tindakan undang-undang kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Letrik 1949 sepanjang tempoh kajian laporan ini kebanyakannya merupakan dakwaan kes-kes kecurian kuasa elektrik. Dakwaan-dakwaan tersebut kebanyakannya telah dijalankan di Pulau Pinang, Perak, Kedah, Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Trengganu. Negeri yang banyak sekali berlaku kecurian elektrik ialah Pulau Pinang di mana 21 orang telah didakwa dan didapati bersalah di mahkamah dan kesemuanya bukan sahaja telah didenda bahkan telah diperintahkan supaya membayar balik kerugian hasil kepada Lembaga. Lembaga juga telah mengambil tindakan memotong bekalan elektrik ke atas pemasangan mereka mengikut Seksyen 85 Akta Letrik 1949.

Keselamatan

Dengan tertubuhnya Unit Keselamatan Lembaga untuk menjaga sasaran-sasaran penting Keutamaan I yang terletak di dalam bandar sebagaimana yang diarahkan oleh kerajaan, tindakan telah pun diambil oleh Jabatan Kakitangan untuk mengambil kakitangan-kakitangan yang baru bagi Unit ini. Setakat ini Penolong Pegawai Keselamatan, Penyelia Keselamatan Negeri-Negeri dan lebih kurang 200 Pembantu Keselamatan telahpun dilantik dan seterusnya dihantar ke tempat-tempat tertentu di mana didapati sasaran-sasaran penting Lembaga.

Pas-pas Keselamatan telah selesai dikeluarkan kepada semua kakitangan LLN di seluruh Semenanjung kecuali di pejabat Daerah Raub.

Unit Keselamatan Lembaga dengan bantuan Pihak Polis telah dapat menangkap orang-orang yang didapati mencuri pengalir tembaga di dalam pencawang elektrik dan mereka telah seterusnya dihadapkan ke mahkamah. Semenjak itu, tidak ada lagi laporan mengenai kecurian pengalir tembaga di pencawang elektrik diterima.

Persidangan Tenaga Sedunia

Dalam tempoh kajian laporan ini, lapan pertubuhan telah diterima menjadi ahli baru Jawatankuasa Kebangsaan Malaysia bagi Persidangan Tenaga Sedunia. Pertubuhan-pertubuhan tersebut ialah (1) Exxon Production Malaysia Inc., (2) Universiti Pertanian Malaysia, (3) Universiti Kebangsaan Malaysia, (4) Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS), (5) Universiti Teknologi Malaysia, (6) Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI), (7) Sekolah Kejuruteraan, Institut Teknologi Mara, dan (8) Yayasan Kejuruteraan Malaysia. Dengan memasukkan lapan ahli baru ini maka keahlian badan ini sekarang menjadi 46.

Satu jawatankuasa kecil mengenai projek hidro mengandungi Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak, Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia, Jabatan Parit dan Tali Air, Universiti Malaya dan Lembaga Letrik Negara telah ditubuhkan untuk menjalankan kajian kemungkinan sumber bekalan hidro-elektrik untuk diagihkan ke kawasan-kawasan desa yang terpencil di Malaysia.

Wakil-wakil Jawatankuasa Kebangsaan Malaysia bagi Persidangan Tenaga Sedunia juga telah menghadiri Persidangan Kejuruteraan IES/IEM mengenai Sumber Tenaga, Penggunaan dan Pemeliharaan yang diadakan di Singapura dari 7 April hingga 11 April 1977.

Pelajaran dan Latihan

Jabatan Pelajaran dan Latihan telah membelanjakan sejumlah \$7,970,413 (\$6,075,600 tahun lepas) untuk pentadbiran latihan dan biasiswa dalam tahun kajian laporan ini.

Ringkasan latihan yang dirancang adalah seperti berikut:-

	Pada Awal Tahun	Peng-ambilan dalam tahun	Lulus	Berhenti/ditarik balik	Pada Penghujung tahun 31.8.77
Biasiswa Kejuruteraan					
Luar Negeri	175	50	43	1	181
Dalam Negeri	146	176	38	7	277
Jumlah:	321	226	81	8	458
Biasiswa Akauntansi					
Luar Negeri	—	18	—	—	18
Pelatih dan Prantis	355	91	18	27	401
Pelbagai				Bil.	
Pelatih-pelatih dari Badan Luar —				11	
Latihan Peralihan Perajurit-Perajurit —				15	

Rancangan Latihan Kakitangan

Sebagai satu daripada rancangan pembangunannya Lembaga juga telah menganjurkan pegawai-pegawainya yang sedang berkhidmat menghadiri berbagai-bagai kursus jangka pendek & seminar dalam dan luar negeri seperti diringkaskan di bawah ini:-

Latihan dalam Lembaga	Kumpulan Kakitangan	Bilangan diberi Latihan
Kursus suaikenal dan kursus penyelia		193
Institusi-Institusi Tempatan		
INTAN	Pegawai Kanan dan Penyelia	17
Pusat Daya-Pengeluaran Negara	Pegawai Kanan dan Penyelia	27
Yayasan Pengurusan Malaysia		22
MIT (Kursus BBA)		1
Di Luar Negeri		
Seminar, Simposium & Lawatan sambil belajar	Pegawai Kanan	44
Pengajian lepas Siswazah di Universiti-universiti	Pegawai Kanan	
a) Kursus Ph.D.		4
b) Kursus Sarjana		9

Kemudahan-kemudahan latihan Industri juga diberi kepada Universiti-Universiti & Badan-Badan Berkanun serta kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Jenis Latihan	Kumpulan Kakitangan	Bilangan
Latihan semasa cuti	Penuntut-Penuntut Kolej & Universiti-Universiti	64

Kemudahan Latihan Tumpangan bagi Pegawai-Pegawai Seberang laut

Dari Perbadanan Bekalan Elektrik Sabah — 3 orang pelatih.

Pengujudan Lembaga Pemeriksa

Dengan pengujudan Lembaga Pemeriksa pada 1 September 1975, langkah-langkah telah diambil untuk memusatkan pentadbiran semua peperiksaan dan ujian. Peperiksaan dan ujian yang dikelolakan oleh Jabatan Pelajaran dan Latihan adalah seperti berikut:-

Jenis-Jenis Peperiksaan	Jumlah Menduduki Peperiksaan
* • Ketukangan	256
** • Kelayakkan (Pekerja Kategori A dan Pengendali Loji)	593
Teknik Jabatan	4
Bahasa Malaysia bagi Pegawai-Pegawai Kanan	42
Kerani	504
Jurutrengkas	81
Menaip	119
Penyelenggara Stor	49
* • Ujian Ketukangan seperti Juruelektrik (Am), Juruelektrik (Pelindungan), Juruelektrik (Ujian & Jangka), Jurugegas Elektrik dan Penyambung Kabel.	
** • Ujian Kelayakkan seperti Pemasang Talian, Pencari Kerosakan, Tukang Kayu, Pendawai dan Atendan Papan Suis.	

Perpustakaan

Lembaga membelanjakan sebanyak \$15,223.91 untuk melengkapkan perpustakaananya dalam tahun ini. Jumlah buku telah bertambah dari 5,689 kepada 6,052 naskah iaitu tambahan sebanyak 363 naskah atau 6.3%. Bilangan peminjam buku telah meningkat dari 2,856 orang kepada 3,084 orang iaitu tambahan seramai 228 orang atau 8.0%.

Pusat Latihan Talian Hidup

Dalam tempoh kajian laporan ini, Pusat Latihan Talian Hidup telah memberi latihan mengenai kerja talian hidup dan juga kepada penyambung-penyambung kabel dan pembantu-pembantu berkenaan penyambung kabel bawahtanah voltan sederhana (V.S.).

Kursus/Latihan	Kumpulan Ketukangan	Bilangan diberi Latihan
1. Latihan untuk membina Sesalur Atas bagi (Voltan Rendah & Sederhana)	Jurutera, Penyelia, Juruteknik Rendah, Pemasang Talian	361
2. Latihan bagi Kabel bawah tanah (Voltan Rendah & Sederhana)	Jurutera, Penyelia	16
3. Ujian Pertukangan	Penyambung Kabel	49
4. Kursus Penyambung Kabel 11 KV	Penyambung Kabel	44
5. Kursus Teman Penyambung Kabel untuk membantu penyambung kabel di dalam kerjanya	Teman Penyambung Kabel	23
6. Kursus Sambungan Bahan-Bahan Hangat Kecut Thermofit.	Jurutera dan Penyambung Kabel	137

Pusat Latihan Bangi

Kerja-kerja memajukan tanah, penyaliran & asas jalan telah siap. Kerja pembinaan dua buah hostel dan dewan makan juga telah siap, melainkan pemasangan elektrik, perabot dan lain-lain keperluan. Bangunan-Bangunan ini dijangka siap pada bulan Jun 1978.

Jawatan-jawatan kanan telahpun diisi dan tiga orang dari mereka telah dihantar berlatih dengan Electrite de France, sementara dua orang lagi telah dihantar berlatih di organisasi elektrik di United Kingdom. Dua orang pegawai lagi akan dihantar berlatih dalam tahun 1978 di bawah rancangan Bantuan Teknikal Perancis.

Tiga orang penunjuk ajar telah dihantar ke Bharat Heavy Electrical Ltd., (BHEL) di bawah rancangan bantuan teknikal Kerajaan India, dan BHEL telah bersetuju menerima kumpulan pelatih selanjutnya pada tahun 1978 dan 1979.

Perhubungan Awam

Dalam perhubungan akhbar, Lembaga telah mendapat kerjasama daripada akhbar-akhbar tempatan melalui persidangan-persidangan akhbar serta siaran-siaran akhbar. Disamping itu temuramah di Radio dan TV serta juga temuramah akhbar untuk wartawan-wartawan asing juga dijalankan. Satu siri yang penting dalam perhubungan akhbar ialah jawapan kepada akhbar-akhbar tentang perkara yang dibangkitkan oleh orang ramai.

Diantara kegiatan kemuncaknya ialah kejayaan kereta berhias LLN memenangi hadiah pertama diperayaan menyambut Hari Kebangsaan tahun 1977. Lembaga juga menyertai pameran Pesta Pembangunan di Batu Pahat yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Johor dan Expo Panduan Kerjaya yang dianjurkan oleh Urusetia Rukun Tetangga.

Majalah 'Tenagawan' dan 'Tenaga' adalah popular dikalangan kakitangan sementara majalah 'Power' terus mendapat minat dikalangan pembaca terutama sekali di sebarang laut. Dalam tempoh kajian ini juga, jabatan ini telah menerbitkan risalah 'Soal Jawab Mengenai Bekalan Elektrik' dan 'Latihan dengan LLN' untuk diedarkan kepada orang ramai dengan tujuan mendidik mereka mengenai bekalan elektrik serta menerangkan tentang kemudahan latihan yang terdapat dalam Lembaga.

Lembaga telah mendapat penghormatan dengan lawatan sebilangan besar orang-orang kenamaan termasuk YB Datuk Haji Abdul Ghani Gilong, Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-Kemudahan Awam yang telah melawat pejabat kita di Perak. Timbalan Menteri YB Dr. Goh Cheng Teik juga telah membuat lawatan ke Ibu Pejabat. Diantara pelawat-pelawat asing termasuklah Pesuruhjaya dari Papua New Guinea Electricity Commission, Pengurus Besar dari Water and Power Development Authority (Pakistan) dan Rombongan Pelaburan dari Belgium. Lembaga juga meraikan Encik R.K. Palmer, Ketua Fakulti Kejuruteraan di Brighton College of Technology yang telah bersara.

LLN memenangi hadiah pertama kereta berhias di upacara Perayaan Hari Kebangsaan tahun 1977.



Perhubungan Perusahaan

Perhubungan perusahaan Lembaga telah diberi satu nafas baru sejak tahun 1973 apabila sistem Majlis Bersama Kebangsaan dan Jabatan diperkenalkan sebagai jentera rundingan yang menentukan skim perkhidmatan dan tanggungaji kakitangan Lembaga Letrik Negara pada keseluruhannya.

Sistem baru perhubungan perusahaan ini, yang mencerminkan objektif pihak kerajaan untuk memusatkan segala aspek skim perkhidmatan bagi sektor awam, telah banyak menghasilkan faedah-faedahnya seperti terbukti daripada perkara-perkara baru yang diperkenalkan bersaingan pelaksanaan Laporan Harun dan Kabinet. Namun demikian, banyak juga "issue" yang masih berbangkit (seperti Jawatan Penting, Anomali-Anomali Laporan Kabinet, "Package Deal" dan lain-lain) dan adalah dipercayai bahawa dengan adanya kerjasama erat di kalangan pihak-pihak yang menganggotai majlis di atas, perkara-perkara ini dapat diselesaikan dengan semangat kemesraan.

Pada keseluruhannya perkembangan perhubungan perusahaan di sepanjang tempoh 1976/77 dapat disifatkan sebagai "tenang", dan adalah membanggakan bahawa perkara ini sebanyak sedikit mencerminkan bahawa di sepanjang urusan-urusan rundingan di antara pihak pengurusan dengan kesatuan-kesatuan, keluhuran undang-undang buruh dan Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan telah diterima sebagai panduan yang mengikat tindak langkah kedua-dua pihak yang berkenaan.

Perkhidmatan Pengurusan

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang ditubuhkan pada tahun 1972 mengadakan perkhidmatan perundingan pengurusan sendiri untuk Lembaga. Semenjak ditubuhkan, 62 kajian besar dan kecil telah dijalankan, terutama sekali mengenai bidang-bidang yang berkaitan dengan aspek-aspek memperbaiki kecekapan organisasi dan daya pengeluaran. Antaranya termasuk kajian daya pengeluaran untuk Kawasan Tengah, bertujuan untuk membolehkan Pengurus-Pengurus Daerah mengawasi serta bertindak atas sumber-sumber utama dan bidang-bidang daya pengeluaran. Beberapa tugas yang melibatkan rekabentuk borang dan perhubungan yang berkesan telah disiapkan meliputi Lembaran Kos Kerja-Kerja Kecil, Pengangkutan di antara Stor Pusat dengan Kawasan Tengah dan Laporan Kerosakan untuk Sistem Pengagihan.

Dalam tempoh kajian ini, satu laporan mengenai Pelaksanaan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar bagi Rancangan Malaysia Ketiga telah diterbitkan bertujuan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek tersebut.

Jabatan ini telah membantu Bahagian PDL untuk mengeluarkan Bil Bahan-bahan sebagai sebahagian daripada Sistem Perancangan Bahan Berasaskan Komputer yang dirancang untuk berjalan sepenuhnya menjelang tahun 1980.

Kewangan

Natijah Kewangan

Pendapatan daripada jualan elektrik bagi tahun ini telah bertambah sebanyak 16% menjadi \$566,113,193 (\$487,881,178) manakala lain-lain pendapatan telah bertambah sebanyak 45.8% menjadi \$19,489,407 (\$13,366,557). Jumlah pendapatan bagi tahun ini ialah sebanyak \$585,602,600 (\$501,247,735) iaitu tambahan sebanyak 16.8%. Perbelanjaan-perbelanjaan kendalian termasuk susutan telah bertambah sebanyak 22.6% menjadi \$461,450,386 (\$376,280,602). Ini menjadi lebih kendalian sebanyak \$124,152,214 (\$124,967,133) iaitu kurangan sebanyak 0.7% daripada tahun lalu.

Daripada lebih perbelanjaan kendalian sebanyak \$124,152,214 (\$124,967,133) dan setelah ditolak bunga yang dibayar ke atas pinjaman-pinjaman dan overdraf bank berjumlah \$31,892,064 (\$29,855,385) dan menyimpan peruntukan untuk cukai sebanyak \$25,000,000 (\$11,000,000) dan bunga yang dibayar ke atas saham biasa sebanyak \$6,377,200 (\$5,031,570), maka baki hasil ialah \$60,882,950 (\$79,080,178). Jumlah wang ini telah dipindahkan ke dalam cadangan-cadangan dan dipegang hanya semata-mata untuk membiayai rancangan pembangunan pokok Lembaga.

Bunga Ke Atas Saham Biasa


Lembaga telah mengistiharkan bunga sebanyak 5% setahun ke atas saham biasanya yang berjumlah sebanyak \$236,719,000 (\$167,719,000). Jumlah bayaran bunga yang diistiharkan bagi tahun kajian ini ialah sebanyak \$10,628,670 (\$8,385,950). Setelah ditolak cukai sebanyak 40%, jumlah bersih bunga yang dibayar ialah sebanyak \$6,377,200 (\$5,031,570).

Perbelanjaan Pokok


Perbelanjaan pokok bagi tahun ini ialah sebanyak \$344,542,277 (\$341,987,964). Perbelanjaan pokok ini telah menjadikan jumlah pelaburan Lembaga di dalam harta-harta tetap (harta dan loji) termasuk kerja-kerja yang sedang berjalan sekarang sebanyak \$2,234,592,659 (\$1,893,511,850). Pembiayaan perbelanjaan pokok bagi tahun 1977 telah dibuat sebahagian daripadanya dari kumpulan wang yang diperolehi dari punca wang dalam negeri dan sebahagian yang lain pula daripada kredit pembekal dan pinjaman-pinjaman luar daripada Bank Dunia (IBRD) dan Kerajaan Malaysia.

(Angka-angka dalam kurungan menunjukkan perkara-perkara yang sama bagi tahun lepas).


PERKEMBANGAN MENGENAI PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN



MODAL PERBELANJAAN



MODAL PELABURAN DALAM IKATAN



AKAUN HASIL BAGI TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 1977

31.8.76			
\$		\$	\$
487,881,178	Pendapatan dari jualan elektrik	566,113,193	
<u>13,366,557</u>	Lain-Lain pendapatan	<u>19,489,407</u>	
501,247,735			585,602,600
	Tolak Perbelanjaan kendalian		
253,650,904	Penjanaan	292,286,764	
<u>12,836,100</u>	Elektrik dibeli secara borong	<u>14,278,680</u>	
266,487,004		306,565,444	
14,377,260	Penghantaran	14,137,074	
48,775,858	Pengagihan	59,643,112	
5,341,977	Perkhidmatan Pengguna	5,643,644	
11,569,464	Membaca jangka, membil dan memungut akaun	12,730,415	
7,835,919	Latihan dan kebajikan	8,803,193	
7,430,482	Pentadbiran	7,857,887	
<u>14,462,638</u>	Perbelanjaan Am	<u>46,069,617</u>	
376,280,602			461,450,386
124,967,133			124,152,214
	Tolak Bayaran Bunga atas:		
27,881,522	Pinjaman-pinjaman	29,520,769	
<u>1,973,863</u>	Overdraf Bank	<u>2,371,295</u>	
29,855,385			31,892,064
95,111,748	Hasil bersih sebelum dikenakan cukai		92,260,150
<u>11,000,000</u>	Tolak Peruntukan untuk cukai		<u>25,000,000</u>
84,111,748			67,260,150
	Tolak Bayaran bunga atas saham biasa (tolak 40% cukai)		
<u>5,031,570</u>			<u>6,377,200</u>
<u>79,080,178</u>	Baki hasil bersih digunakan untuk membiayai keperluan-keperluan pokok		<u>60,882,950</u>
65,480,178	Dipindahkan ke dalam Akaun Pembangunan Pokok		53,082,950
<u>13,600,000</u>	Cadangan Am		<u>7,800,000</u>
<u>79,080,178</u>			<u>60,882,950</u>

Catitan-catitan mengenai Akaun merupakan bahagian yang lengkap dalam akaun-akaun ini.

31.8.76				
\$			\$	\$
HARTA-HARTA BERSIH				
Harta-Harta Tetap				
1,509,902,580	Hartabenda, loji dan kelengkapan mengikut kos		1,655,581,097	
<u>458,700,453</u>	Tolak Peruntukan untuk susutan		<u>522,245,151</u>	
1,051,202,127			1,133,335,946	
<u>83,025,157</u>	Tolak Baki akaun sumbangan pengguna		<u>98,581,912</u>	
968,176,970			1,034,754,034	
<u>383,609,270</u>	Tambah Projek-projek pokok yang sedang dibuat		<u>579,011,562</u>	
1,351,786,240				1,613,765,596
<u>3,900,000</u>	Pelaburan (Catitan 5)			<u>3,900,000</u>
Harta-Harta Semasa				
11,217,937	Bahanapi mengikut kos		14,456,000	
88,031,750	Barang-barang stor mengikut kos		95,651,972	
4,768,082	Kerja bayar tuntutan yang sedang dibuat mengikut kos		5,613,291	
77,236,313	Siberhutang		87,650,788	
21,809,397	Wang pendahuluan bagi kakitangan		25,935,213	
1,110,505	Pembayaran Pendahuluan		506,992	
3,295,296	Wang tunai di Bank		2,126,290	
<u>79,070</u>	Wang tunai di tangan		<u>109,490</u>	
<u>207,548,350</u>				<u>232,050,036</u>
1,563,234,590				1,849,715,632
Tolak				
Tanggungan-Tanggungan Semasa				
219,421,143	Sipiutang, tanggungan-tanggungan terkumpul dan wang-wang ditahan jangka pendek bagi kontrak kerja-kerja pokok (Catitan 3)		259,886,292	
37,797,442	Wang cagaran pengguna		43,532,900	
<u>30,676,576</u>	Overdraf Bank dan Pinjaman Jangka Pendek		<u>27,004,604</u>	
287,895,161				330,423,796
<u>1,275,339,429</u>				<u>1,519,291,836</u>
MEMBIAYAI SEPERTI BERIKUT				
167,719,000	Saham Biasa (Catitan 6)			236,719,000
419,415,149	Cadangan-cadangan yang digunakan didalam urusan Lembaga Akaun Pembangunan Pokok			472,498,099
48,800,000	Cadangan Am			56,600,000
